

KEBEBASAN PERGAULAN REMAJA KILANG MASA KINI  
SATU KAJIAN DI KAWASAN PERINDUSTRIAN  
(FREE TRADE ZONE) SUNGAI WAY SELANGOR

OLEH

ALIYAS AHMAT  
NO MATRIK 048519

LATIHAN ILMIAH  
BAGI MEMENUHI SEBAHAGIAN  
DARIPADA SYARAT-SYARAT UNTUK  
IJAZAH SARJANA MUDA SASTERA

JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR

SESSI 87/88

JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI  
PERPUSTAKAAN

University of Malaya

## PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim

Syukur ke hadrat ilahi, dengan kesabaran dan semangat saya telah dapat menyiapkan latihan ilmiah saya yang serba kekurangan ini. Sejak kajian ini dijalankan, saya telah menerima banyak pengalaman dan bantuan dari berbagai-bagai pihak.

Disini saya ingin merakamkan setinggi penghargaan kepada penyelia saya, Pro Madya Dr Zainal Kling yang telah banyak memberi nasihat dan tunjukajar sehingga ke peringkat akhir serta pihak-pihak yang terlibat tempat saya membuat kajian seperti Pengarah Kilang, Penyelia Kilang dan kakitangan kilang yang memberi kerjasama dalam kajian saya semasa saya berada di kawasan kilang mereka.

Saya juga ingin mengucapkan rasa penghargaan yang tidak terhingga kepada para responden yang telah memberi kerjasama kepada saya. Terutama Mohd Khalid Jamil dan Norita Jamil tanpa bantuannya mungkin latihan ilmiah saya tidak akan berjaya. Terima kasih kepada semua.

Tidak lupa juga ucapan teristimewa buat keluarga tersayang. Terima kasih atas doa ibu tersayang. Berkat doa ibu, saya berjaya. Juga kepada gadis yang amat istimewa dalam hidupku Elliza yang banyak memberi sokongan moral serta khidmat kakak Zainun yang sudi menaipnya.

Justeru, saya begitu terhutang budi dan mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang memberi tunjuk ajar, kerjasama dan sokongan dalam menyiapkan latihan ilmiah saya ini.

ALIYAS AHMAI

Jabatan Antropologi dan Sosiologi  
Universiti Malaya  
Kuala Lumpur

23hb Januari 1988

## SINOPSIS

Latihan ilmiah ini memuatkan beberapa hal mengenai masalah pergaulan remaja kilang. Pengkaji bertujuan mencari apakah faktor-faktor yang mempengaruhi perlakuan itu. Fokus utama adalah dilihat kelonggaran ikatan sosial berperanan melihat dalam menentukan sikap dan tingkah laku remaja ke arah pergaulan bebas dan juga akibat pengaruh perhubungan. Untuk tujuan ini pengkajian dijalankan ke atas remaja kilang di kawasan perindustrian Sungai Way, Selangor dalam kebebasan pergaulan mereka memandangkan ia berpunca dari kawasan perindustrian yang terbesar ini.

Dalam bab 1, pengkaji akan menghuraikan pengenalan secara kajian secara ringkas. Bab ke 2 pula diberi beberapa penerangan konsep dan definisi yang berkaitan pergaulan yang bersifat 'delinquency'. Ini bertujuan untuk menjamin agar ianya tidak lari dari tujuan asal kajian ini. Dalam bab ini juga telah dihuraikan teori-teori yang sesuai terutamanya oleh Travis Hirschi yang mementingkan konsep ikatan sosial yang menjadi garis panduan pengkaji dalam menentukan perlakuan remaja.

Seterusnya dalam bab 3, pengkaji akan mengemukakan faktor-faktor dan analisis dari kajian ini. Pengkaji telah mengaitkannya dengan elemen-elemen ikatan sosial dan mendapati memang wujud toleransi antara perlakuan delikwensi pergaulan dengan kelonggaran ikatan sosial walau pun tidak sepenuhnya. Di peringkat ini remaja masih teragak-agak untuk melibatkan diri dalam perlakuan itu tetapi dengan terdapat faktor-faktor lain mendorong remaja terjerumus dalam lembah kebebasan pergaulan.

Dalam bab 4, remaja telah pun melibatkan diri dan pengkaji akan lihat kebebasan remaja dalam pergaulannya di samping akibatnya yang dikesan.

Dalam bab 5, iaitu bab yang akhir pengkaji merumuskan segala maklumat yang telah diperolehi semasa kajian dengan mengaitkan dengan teori kawalan, memandangkan Teori Hirschi memang sesuai di samping sedikit cara mengatasi masalah pergaulan ini.

## KANDUNGAN

	<u>Muka Surat</u>
BAB.1 : <u>PENDAHULUAN</u>	
1.1 : Permasalahan	1
1.2 : Bidang dan kajian	2
1.3 : Tujuan utama membuat kajian	3
1.4 : Respondan-respondan pengkaji	4
A. Respondan atau sampel yang dipilih	4
B. Jenis-jenis pergaulan yang dilakukan	5
C. Taburan umur responden	5
D. Tempat asal responden	6
E. Jantina responden	6
F. Bangsa responden	6
1.5 : Teknik-teknik yang digunakan dalam penyelidikan	7
A. Pemerhatian dan penyertaan	8
B. Soal selidik	9
C. Temu bual	9
D. Kajian Perpustakaan	9
1.6 : Masalah atau kesulitan yang dihadapi semasa kajian	9
1.7 : Kesimpulan	11
BAB 2 : <u>PERGAULAN REMAJA</u>	13
2.1 : Definisi dan konsep remaja	13
2.2 : Pergaulan dan darjah-darjah pergaulan	16
2.3 : Teori	19
A. Pendekatan secara biologiikal	19
B. Pendekatan secara sosiologiikal	20
C. Teori kawalan	21
1. Pertalian(Attachment)	24
2. Penglibatan(Comittment)	24
3. Penyertaan(Involment)	25
4. Kepercayaan(Belief)	25
2.4 : Kesimpulan	27

BAB 3 :	<u>FAKTOR-FAKTOR YANG MEMBAWA KEPADA KEBEBASAN PERGAULAN</u>	<u>Muka Surat</u>
	<u>A. IKATAN SOSIAL</u>	29
3.1	: Kelonggaran hubungan dengan keluarga	29
3.2	: Kongkongan keluarga	36
3.3	: Pelajaran (pendidikan)	32
3.4	: Konflik dalam sistem nilai	39
3.5	: Pegangan agama	40
	<u>B. PENGARUH HUBUNGAN</u>	43
3.6	: Rakan dan tempat kerja	43
3.7	: Media massa	45
3.8	: Persekitaran	47
	<u>C. FAKTOR LAIN</u>	49
3.9	: Latar belakang	49
3.10	: Kemudahan	50
BAB 4 :	<u>KEBEBASAN PERGAULAN DAN AKIBAT</u>	52
	<u>A.</u>	
4.1	: Pergaulan sesama jantina	52
4.2	: Pakaian	54
4.3	: Pemilihan rakan sepergaulan	55
4.4	: Masa	55
4.5	: Tempat	56
4.6	: Kekерapan	56
4.7	: Kegiatan-kegiatan	56
	<u>B.</u>	
4.8	: Pergaulan lain jantina	58
4.9	: Seks di luar nikan	59
	<u>C.</u>	
4.10	: Nilai diri/Moral	65
	1. Agama	65
	2. Masyarakat	65
4.11	: Kesimpulan	66

BAB 5 : <u>KESIMPULAN</u>	67
: Bibliografi	74
: Gambar-gambar	74
: Slip-slip laporan	77
: Borang soal selidik	79

<u>Bil</u>	<u>Jadual</u>	<u>Perkara</u>	<u>Muka surat</u>
1.	Jadual 1.1	Tempat asal responden	6
2.	Rajah 1	Pola-pola dan perbuatan hasil dan interaksi dengan ibubapa (keluarga) saudara, rakan, jiran dan sebagainya.	23
3.	Jadual 3.1	Biangan adik beradik responden	31
4.	Jadual 3.2	Tempat mengadu sesuatu hal responden	33
5.	Jadual 3.3	Kadar kebebasan yang diperolehi oleh responden	35
6.	Jadual 3.4	Tingkat pelajaran yang dicapai oleh responden	38
7.	Jadual 3.5	Persepsi remaja (respondan) terhadap masyarakat tempat tinggal	39
8.	Jadual 3.6	Hubungan antara responden dengan masyarakat setempat	40
9.	Jadual 3.7	Darjah pendidikan Agama yang diperolehi oleh responden	41
10.	Jadual 3.8	Sumber didikan Agama responden	42
11.	Jadual 3.9	Kekerapan responden mengerjakan sembahyang	43
12.	Jadual 3.10	Jenis rakan yang disukai responden	44
13.	Jadual 3.11	Kekerapan responden terlibat dengan rakan-rakan	44
14.	Jadual 3.12	Persekitaran pilihan responden	47
15.	Jadual 4.1	Masa responden ke tempat hiburan	53
16.	Jadual 4.2	Perhubungan responden dengan lain jantina	58
17.	Jadual 4.3	Kekerapan responden mengikuti rombongan	63

## BAB: SATU

### 1.1 Permasalahan

Dimana-mana baik di negara maju atau negara sedang membangun menghadapi masalah sosial, keruntuhan moral dan ia menjadi satu penyakit masyarakat yang sukar dibendung. Persoalan keruntuhan moral dan kehilangan nilai budaya akibat pengaruh barat semakin rancak sehingga menjadi penyebab ramai kalangan remaja yang terjerumus didalamnya. Pergaulan yang tidak terkawal dan tiada batasan menjadi punca utama yang menyebabkan kejatuhan moral remaja. Negara kita sebagai sebuah negara yang sedang membangun tidak dapat lari dari masalah ini yang mana semakin hari semakin nampak nyata pergaulan yang agak keterlaluan. Ini pasti akan mendatangkan masalah dan bahaya yang besar pada negara kita. Ia satu yang tidak wajar memandangkan mereka ini adalah harapan bangsa kita. Para pemuda dan pemudi adalah generasi yang akan menggantikan generasi tua bagi meneruskan maruah negara dan bangsa. Ia akan tercemar akibat pergaulan yang dipengaruhi oleh budaya barat yang banyak berorientasikan pada pergaulan yang tidak terbatas dalam erti kata lain 'bebas' dalam segala perlakuan sehari-hari. Jika ini telah meresap ke jiwa remaja kita, adakah dapat kita banggakan lagi, mana dia slogan yang menyatakan 'pemuda harapan bangsa, pemudi tiang negara'. Jika harapan dan tiang telah rebah akibat budaya barat, negara akan terombang-ambing dan masyarakat akan lemah.

Pergaulan yang tidak terkawal dan tiada batasan adalah satu penyebab yang membawa kepada perbuatan yang dilarang seperti mencuri, rogol, dadah dan lain-lain jenayah. Apabila kita tatap akhbar harian dan majalah yang terjual, kita akan dapati banyak kisah yang berkisar pada remaja yang terlibat dalam rogol, mencuri dan dadah. Hal ini amat menakutkan masyarakat kita dan ia bagaikan satu wabak penyakit.

Para remaja yang rata-rata berumur 18 tahun hingga ke 21 tahun sangat mudah terpengaruh dengan pergaulan yang mendatangkan keseronokan dan kepuasan pada mereka. Mereka mengikut perlakuan rakan dan mencuba apa yang tidak pernah mereka lakukan sebelum ini. Sikap ingin mencuba inilah membuat remaja terlibat. Golongan generasi tua harus memandang serius hal ini agar remaja tidak terlibat dalam wabak penyakit pergaulan ini.

Masalah pergaulan dan keruntuhan moral tidak dapat disangkal kesahihannya dan diakui. Ia menjadi topik pembincangan dan polemik hangat disegenap lapisan masyarakat. Para pemimpin sering melaungkan slogan-slogan yang cuba menyedarkan golongan remaja dan menanamkan semangat cintakan negara. Menanamkan nilai-nilai budaya nasional bagi menentang nilai budaya barat tetapi nampaknya masalah ini menjadi semakin serius dan ia akan menjadi semakin tenat dimasa akan datang jika dibiarkan berterusan. Masalah sosial ini wujud memang sejak dari dahulu lagi seperti yang diakui oleh Stephen Schafer.

'Many social problems are as old as society, but they become more numerous and of greater concern decades' (1)

Jadi jelaslah bahawa masalah sosial ini bermula sejak dahulu lagi dan diakui oleh dunia sebagai penyakit masyarakat seperti yang dinyatakan oleh Davis L.Sills tentang masalah dan pertambahannya.

'It is evident that public concern in this problem has increased in most countries especially since world war two' (2)

Tetapi malang kajian mengenai pergaulan remaja masih kurang dan ia mesti dipergiatkan untuk mengatasi masalah sosial ini.

## 1.2 Bidang Dan Tumpuan Kajian

Pengkaji akan mencuba menilai sejauh mana kejatuhan moral remaja akibat pergaulan. Dengan ertikata lain, apakah pergaulan itu menyebabkan kejatuhan moral dan juga perlakuan yang menyeleweng dari norma-norma masyarakat dan juga melihat punca-punca yang mempengaruhi seorang remaja melibatkan diri dalam pergaulan yang sebegitu.

Di dalam kajian ini pengkaji hanya menumpukan perhatian pada para pekerja kilang di kawasan perindustrian Sungai Way iaitu satu kawasan perindustrian yang terkenal di Selangor. Pengkaji mengkaji para pekerja yang bekerja sebagai 'Operetor Pengeluaran' kerana hanya golongan ini yang ramai terlibat dan untuk memudahkan kajian.

---

(1) - Schafer S. Social problem in changing society, Issues and Deviences, Reston Publising Company 1975: page 1

(2) - Sills. D.Linter. National Encyelopedia of Science. Vol 4,1968:77

Pengkaji akan menekankan faktor-faktor yang menjadi punca kepada tingkah-laku pergaulan dalam masyarakat. Di samping itu pengkaji akan lihat kusan dan akibatnya. Faktor-faktor yang dibincangkan kelak adalah dalam bentuk kawalan dan kemudahan-kemudahan yang membawa remaja ke alam pergaulan yang lari dari norma-norma masyarakat khususnya remaja Melayu.

Pengkaji menggunakan pendekatan teori kawalan untuk melihat faktor-faktor yang mempengaruhi seorang remaja melakukan tingkah-laku itu. Pengkaji cuba membuat rumusan kenapa remaja terlibat berdasarkan pada darjah-darjah kawalan sosial yang dihadapinya, latar-belakang responden dan pengaruh rakan dijadikan asas melihat punca pergaulan itu. Jadi pengkaji akan melihat ikatan sosial mereka terhadap rakan, keluarga dan masyarakat sekeliling berdasarkan kepada elemen-elemen seperti penglibatan (commitment), penyertaan (involvement), pertalian (attachment) dan kepercayaan (belief). Pengkaji melihat latar-belakang kekeluargaan dan masyarakat serta bentuk-bentuk pergaulan dan kebebasan yang diperolehi oleh responden sebagai dapat mempengaruhi seorang remaja terlibat dalam pergaulan agak bebas iaitu yang bertentangan dengan norma-norma budaya kita.

### 1.3 Tumpuan Utama Membuat Kajian

Disini pengkaji ingin melihat punca sebenarnya yang mempengaruhi seorang remaja yang membawa kepada pergaulan dan kejatuhan moral. Pengkaji akan cuba berpegang kepada satu pendekatan iaitu bentuk-bentuk kawalan sosial yang akan dilalui oleh para remaja. Pengkaji akan melihat apakah benar rakan-rakan dan masyarakat berperanan di dalam mendorong seseorang remaja ke arah pergaulan bebas. Maka dengan itu matlamat kajian adalah memperolehi satu pemahaman yang jelas mengenai sebab-sebab dan faktor-faktor kenapa remaja dalam pergaulan bentuk 'devian' iaitu pergaulan yang bebas dan lari dari norma-norma masyarakat seperti dadah, sek, arak, judi dan segi pakaian yang ditiru dari barat. Pengkaji akan lihat latar-belakang sosial dan hubungan kekeluargaan.

Pengkajian tentang pergaulan remaja sekarang memang banyak malah setiap hari ada laporan tentang remaja tapi ia tidak begitu mendalam dan tidak dapat dibanggakan lagi kerana pengkajian dan laporan mereka tidak berapa jitu. Dalam majalah seperti 'Remaja' dan 'Akhbar Mingguan'

banyak menceritakan kisah remaja masa kini. Persoalan yang demikian menarik minat pengkaji untuk menjalankan satu kajian tentang masalah sosial yang sedang hangat diperkatakan.

Tujuan pengkaji yang sebenar dapatlah diertikan kepada matlamat:

- (a) Mengkaji sejauh mana faktor-faktor punca pergaulan yang menjadi sebab kejatuhan moral dikalangan remaja. Walaupun mungkin pada mulanya takut dan tidak yakin tetapi setelah ada faktor-faktor yang mendorong dan dapat kepuasan dan keseronokan akan membuat tingkah-laku itu.
- (b) Melihat kebebasan pergaulan dan akibat timbulkan oleh pergaulan itu.

#### 1.4 Respondan-Respondan Pengkaji

##### A. Respondan atau sampel yang dipilih

Dalam kajian yang dijalankan pengkaji menggunakan kedua-dua jantina lelaki dan wanita di kawasan Sungai Way Selangor. Untuk kajian ini pengkaji telah mengambil 30 orang remaja lelaki dan 30 orang remaja wanita. Kesemua responden dikaji dari beberapa buah kilang di kawasan Perindustrian Sungai Way, Petaling Jaya, Selangor. Remaja yang dikaji dari golongan 'Operator Pengeluaran' dan remaja yang belum berkahwin di bawah umur 21 tahun.

Tujuan untuk pemilihan 2 golongan remaja lelaki dan wanita adalah untuk mendapat satu jawapan yang jelas mengenai masalah pergaulan remaja. Dengan itu nanti kita akan dapat melihat kebenaran tentang pergaulan mereka apabila kajian dijalankan.

##### B. Corak jenis-jenis pergaulan yang dilakukan

Kita dapati memang terdapat berbagai jenis pergaulan di kalangan remaja. Antaranya ialah:

- i. Pergaulan sesama keluarga dan rakan sebaya
  - adik beradik
  - sama umur
- ii. Pergaulan sesama jantina
  - di antara lelaki dengan lelaki
  - di antara perempuan dengan perempuan

iii. Pergaulan lain jantina

- di antara lelaki dan perempuan dan sebaliknya.

iv. Pergaulan di luar kilang

- perhubungan selepas kerja dan rakan-rakan lain kilang.

Kempat-empat corak pergaulan itu diakukan oleh remaja kilang. remaja kilang tidak terlalu memilih rakan-rakan sekerja, lain jantina ataupun sesama jantina. Pergaulan mereka ini lebih banyak di antara lain jantina yang mana akan lebih pengkaji tumpukan nanti di dalam kajian tapi pengkaji tidak akan corak pergaulan lain kerana ia tetap memberi kesan dalam pergaulan kerana dalam pengaruh mempengaruhi seseorang remaja ia tidak kira samada lain jantina, sama jantina atau pun sesama umur atau adik-beradik.

Memandangkan kajian ini untuk melihat kejatuhan moral remaja disebabkan pergaulan dan faktor-faktor penyebab yang membawa kepada pergaulan yang sebegitu iaitu yang menyeleweng dari norma-norma masyarakat kita akan lihat dari segala aspek corak pergaulan. Kesemua responden yang dipilih adalah secara 'rambang'. Ini memandangkan ia akan memudahkan pengkaji membuat liputan dan kajian kerana ia berhampiran dengan tempat tinggal responden.

C. Taburan umur responden

Bagi menjalankan kajian dan untuk mentakrifkan remaja pengkaji memilih responden yang masih bujang (belum berkahwin) dan berumur dalam lingkungan 17 tahun iaitu umur bagi membolehkan seseorang bekerja berdaftar sehingga 21 tahun. Pengkaji menggunakan taburan umur itu memandangkan kebanyakan pekerja kilang di sana yang masih bujang dalam lingkungan umur itu dan ini bertepatan dengan definisi remaja. Tambahan pula umur remaja ialah satu umur yang dianggap sebagai tingkat perkembangan dan peralihan ke alam dewasa dari segi perwatakan dan pemikiran yang cukup matang.

D. Tempat asal responden

Pengkaji melihat dari kedua-dua jantina. Pengkaji juga melihat kawasan tempat asal responden, bandar dan luar bandar. Ia adalah mustahak kerana ia dapat dilihat betapa pentingnya tempat asal secara langsung atau tidak langsung mempengaruhi perlakuan dan cara pemikiran seseorang dalam menuju ke alam pergaulan. Dalam jadual 1.1 pengkaji membandingkan jumlah dan peratus bagi responden yang berasal dari bandar dan luar bandar.

Kawasan	Jantina Dan Bilangan Respondan					
	Lelaki	%	Perempuan	%	Jumlah	%
Bandar	10	30	7	21	17	25.5
Luar bandar	20	70	23	79	43	74.5
JUMLAH	30	100	30	100	60	100

Jadual 1.1 Tempat asal responden

Dari jadual 1.1 di atas kita dapati bahawa kebanyakan pekerja kilang di kawasan ini terdiri dari remaja dari luar bandar iaitu 74.5%. Kalau kita lihat remaja perempuan adalah paling ramai iaitu 23 orang dan remaja lelaki seramai 20 orang. Pekerja dari bandar itu sendiri yang terdiri dari kedua jantina hanya 25.5%. Dari jumlah ini kita dapati remaja wanita lebih ramai dari lelaki dari luar bandar. Ini juga kerana tarikan bandar dan keperluan tenaga wanita di sektor perkilangan.

#### E. Jantina responden

Pengkaji memilih kedua-dua jantina kerana kedua-duanya terlibat dalam kajian ini. Jika pengkaji hanya memilih lelaki saja atau perempuan saja, ini akan membuat kajian ini tidak jitu kerana satu pihak saja yang dikaji sedang pengkajian yang akan dijalankan melibatkan kedua-dua jantina. Pergaulan tidak mengira jantina biar pun 'pondan' juga akan terlibat dalam pergaulan. Hanya pergaulan yang berbeza-beza di antara jantina. Jadi adalah mustahak mengkaji kedua-dua untuk memastikan kejayaannya kajian ini nanti.

#### F. Bangsa responden

Pengkaji hanya mengkaji satu 'ras' atau bangsa dalam kajian ini kerana ia akan memudahkan penganalisan data dibuat. Ini juga kerana dalam soal pergaulan ini yang ramai ialah kaum Melayu. Orang Melayu kaya dengan perlakuan yang sopan dan berbudi-bahasa tetapi remaja Melayu ramai yang terlibat dalam pergaulan bebas yang mana bertentangan dengan nilai agama dan budaya Melayu.

Menurut Freedman:

'A Malay is an individual who speaks the Malay language, a Muslim and displays a culture which for all its variations, is clearly recognizable' (3)

Freedman menyatakan bahawa seseorang yang dikatakan Melayu itu adalah mereka yang bertutur dalam bahasa Melayu, beragama Islam dan mengamalkan berbagai-bagai adat-istiadat Melayu. Ia sama seperti istilah yang terdapat dalam Perlembagaan Malaysia.

Ada beberapa tujuan mengkaji hanya bangsa Melayu saja, antaranya untuk melihat peranan yang dimainkan oleh agama serta pergaulan yang dilakukan yang bertentangan dengan konsep Islam yang maha suci. Ia tercemar oleh masalah pergaulan ini kerana ia bertentangan dengan agama Islam yang mana mencegah kemungkaran dan menyuruh berbuat baik, selaras dengan ajarannya yang berlandaskan Al Quran dan Hadis.

#### 1.5 Teknik-Teknik Penyelidikan Yang Digunakan

Penyelidikan ini mula dijalankan pada awal bulan Mei sehingga bulan June 1987. Pengkaji menggunakan berbagai teknik pengumpulan data dalam pengkajian ini. Antaranya ialah pemerhatian, penyertaan, soal-selidik, temubual dan kajian perpustakaan.

##### A. Pemerhatian dan penyertaan

Pengkaji menggunakan teknik ini dengan cara terlibat dalam aktiviti yang dijalankan dan dilakukan oleh responden dalam perlakuan harian tanpa disedari oleh responden. Pengkaji menjalankan pemerhatian di kawasan tempat tinggal malah tinggal bersama dengan responden. Ini kerana pengkaji mempunyai ramai kenalan yang bekerja di kilang-kilang ini malah rakan serumah pengkaji sendiri adalah pekerja kilang. Dari situ pengkaji mendapat banyak maklumat dengan mengikuti aktiviti hariannya. Pengkaji juga melibatkan dalam pergaulan mereka semasa di luar kilang seperti di rumah mengikuti ke mana responden sering menghabiskan masa.

---

(3) - Freedman. Pacific Affairs Vol 33, No. 2, June 1960:159

Walau bagaimana pun, pengkaji tidak dapat sepenuhnya maklumat yang sebenarnya malah kadang-kadang ia mengelirukan. Pengkaji terpaksa juga menggunakan teknik lain.

### B. Soal-selidik

Pengkaji telah menyediakan borang soal-selidik untuk dikemukakan kepada responden-respondan. Borang soal-selidik dihantar kepada responden dengan langsung.

Dalam teknik ini, pengkaji menyediakan soalan-soalan yang diberi kepada responden dan membiarkan responden menjawabnya sendiri. Apabila sudah dijawab keseluruhan soalan ia akan dipulangkan pada pengkaji. Pengkaji juga menggunakan keaual 'interview schedule' di mana pengkaji memberi soalan kepada responden dan jawapan dari responden ditulis oleh pengkaji sendiri. Jadual atau senarai soalan adalah untuk mengutip data dari responden seramai 100 orang akan dipilih secara rambang seramai untuk memenuhi kajian.

Tujuan penggunaan teknik ini juga adalah untuk memudahkan pengkaji membuat satu analisis yang jelas berdasarkan soalan-soalan yang diberi kepada responden dan responden diberi keputusan sendiri tentang jawapan tanpa tekanan dari pihak pengkaji. Kedua-dua kumpulan remaja diberi soalan yang sama. Hanya satu-satu soalan yang berkaitan satu pihak saja. Ini kerana ia akan dapat memberi jawapan yang sebenarnya dan ia seragam nanti. Bentuk-bentuk soalan adalah mudah dan jitu. Tiada soalan yang menyuruh responden menjawab soalan yang mengelirukan dan memberi pandangan atau lebin tepat yang memberi ulasan lanjutan.

Antara bentuk-bentuk soalan:

- (i) pertanyaan umum
- (ii) hal peribadi
- (iii) pengaruh persekitaran (tempat tinggal)
- (iv) hubungan kekeluargaan
- (v) sikap terhadap masyarakat, rakan, agama dan hiburan
- (vi) sikap terhadap pergaulan

Dalam menjalankan kajian ini kadang-kala dalam masa yang tidak disedari oleh responden atau secara spontan pengkaji bertanyakan soalan yang tidak terdapat dalam senarai soalan. Ini bertujuan untuk mendapat maklumat sampingan yang difikirkan perlu. Ini akan dapat

memberi kemesraan dan persefahaman antara pengkaji dengan responden. Ini penting kerana dalam soal-soal peribadi responden sering keberatan menceritakannya tapi apabila kemesraan ada, responden mudah akan bekerjasama tapi ini hanya dijalankan oleh pengkaji pada responden yang dikaji bersemuka tapi soalan-soalan yang dihantar kepada responden diberi masa yang ditetapkan oleh pengkaji untuk menjawab dan dikembalikan. Masa yang diberi adalah berpatutan untuk responden memikirkan dahulu tanpa tergesa-gesa menjawab borang itu kerana kalau tergesa-gesa ia akan membuat responden bosan dan malas menjawab.

### C. Temubual

Di samping pengkaji menggunakan teknik-teknik di atas pengkaji juga menggunakan teknik secara bebas atau spontan dengan orang-orang yang difikirkan dapat memberi maklumat-maklumat tertentu berkaitan dengan tajuk kajian ini. Kebanyakan temubual yang dijalankan adalah secara tidak formal. Antara yang ditemubual ialah:

- (i) ahli keluarga responden atau rakan serumah responden
- (ii) masyarakat atau jiran responden.
- (iii) pengawal kilang tempat responden bekerja seperti 'Supervisor'.

### D. Kajian perpustakaan

Pengkaji juga menggunakan beberapa bahan bacaan yang difikirkan sesuai dalam pengkajian ini, misalnya buku-buku dari perpustakaan, latihan ilmiah yang lepas dan juga dari rencana-rencana tapi tidak dapat dinafikan juga bahan-bahan tiok langsung seperti dari majalah dan akhbar-akhbar mingguan yang terdapat berbagai-bagai sumber yang berkaitan dengan kajian ini. Tujuan kajian perpustakaan ini adalah untuk memberi 'clue' kepada pengkaji tentang fakta-fakta asas yang berkaitan dengan topik yang dikaji.

## 1.6 Kesulitan-Kesulitan Yang Dihadapi Semasa Kajian

Sama seperti yang dialami oleh setiap pengkaji yang menjalani kajian 'field-work'. Pengkaji menghadapi kesulitan semasa dan sebelum menjalankan kajian. Kesulitan-kesulitan tersebut dimasukkan ke dalam 2 kategori:

- (a) kesulitan yang dihadapi oleh pengkaji sendiri
- (b) kesulitan yang dihadapi oleh responden

Pengkaji tidak dapat menjalankan kajian dengan berkesan kerana kesuntukan masa kajian. Banyak aktiviti yang berkaitan dengan responden tidak dapat diteliti dengan mendalam. Ini kerana kesukaran pengkaji berjumpa dengan responden terutama responden yang bekerja 'shiff'. Pengkaji terpaksa membuat jadual perjumpaan untuk berjumpa dengan responden terutama bila masa cuti kerja.

Pengkaji juga tidak mendapat kerjasama sepenuhnya dari majikan kilang. Malah kadang-kala tidak dibenarkan masuk di kawasan kilang untuk memerhatikan gelagat responden atau jumpa pegawai berkenaan. Mungkin majikan takut ia berkaitan dengan kajian masalah kilang mereka walaupun pengkaji menerangkan yang sebenarnya tujuan kajian ini.

Respondan yang dikaji juga mendatangkan masalah, responden tidak bekerjasama malah sering melarikan diri untuk ditemubual. Mereka takut rahsia mereka diketahui oleh orang lain. Apabila disoal-selidik mereka tidak menjawab dengan tepat soalan yang dituju terutama soalan yang menyentuh peribadi. Mereka cuba menarik perhatian pengkaji kepada ceute dan jawapan lain dari apa yang disoal. Jadi pengkaji terpaksa mengambil masa dan daya kreativiti untuk membawa kejawapan kepada soalan yang disoal. Respondan juga tidak mahu memberi jawapan yang sahih. Jawapan yang diberi sama dan sering mendatangkan tanda tanya.

Borang soal-selidik ada yang tidak dikembalikan kepada pengkaji. Jadi pengkaji terpaksa membuat borang yang lebih dari sepatutnya. Ini membebankan pengkaji kerana terpaksa mengeluarkan belanja yang lebih dari yang sepatutnya. Bila borang itu dikembalikan pengkaji dapati banyak soalan yang tidak dijawab dan yang menghantar kembali borang tanpa berjawab. Ini memaksa pengkaji bersua-muka dan bertanyakan soalan bersemuka dengan responden. Ini melewatkan masa kajian dan akan mendatangkan masalah yang sama seperti di atas tadi. Dalam soal ini juga ada jawapan yang pengkaji rasa bukan yang realiti tapi sekadar untuk suka-suka sahaja. Banyak jawapan yang terlalu ideal dan ada yang berlebihan sangat terutama remaja lelaki. Mereka terlalu bangga dalam soal yang berkaitan dengan pergaulan dan peribadi sehingga nampak nyata penipuan berlalu dalam menjawab soalan itu.

Kesulitan yang dihadapi oleh responden pula ialah tidak memahami soalan malah ada yang terlalu sibuk sehingga tiada masa untuk meluangkan masa untuk menjawab soalan itu. Lain yang dikehendaki oleh soalan, lain pula yang diberi jawapannya.

Pengkaji juga merasa telah mengongkang dan menghalang perjalanan aktiviti harian responden seperti masa untuk ditemubual, mungkin pada masa itu responden sepatutnya ada overtime atau lain-lain kegiatan dengan rakan-rakan yang lain tapi terpaksa membatalkan untuk ditemubual, memanduangkan temubual dibuat semasa hari cuti am seperti Ahad dan Sabtu tapi tidak dielakkan memanduangkan pengkaji juga sibuk dengan kerja yang bersangkutan dengan pekerjaannya.

Sikap responden yang jual mahal juga mendatangkan masalah. Mereka seperti orang penting dan tidak memberi kerjasama pada pengkaji malah jawapan yang diberi mengada-ngada dan sengaja diada-adakan. Yang wanita takut rahsia diketahui orang. Ini semua melambatkan kajian dan kesulitan mengumpul data.

Pengkaji juga menghadapi masalah kewangan yang sering dihadapi oleh setiap pengkaji. Kajian ini sebagai memenuhi latihan ilmiah terpaksa dijalankan dengan perbelanjaan sendiri. Pengkaji banyak menghabiskan masa dengan responden dengan itu membazirkan masa responden. Tapi untuk tujuan yang seharusnya dan wajib ia terpaksa dilakukan.

Kesulitan yang akhir dikira sama pentingnya dengan yang di atas ialah kurangnya penyelidik tempatan yang menulis berkaitan dengan kajian mengenai pergaulan dan masalah sosial. Yang ada pun hanyalah terlalu sedikit dan tidak dapat dibanggakan. Jadi, pengkaji terpaksa merujuk pada hasil-hasil penulisan pengkaji-pengkaji di Malaysia. Maka ketandusan bahan tulisan tempatan telah menimbulkan satu lagi kesulitan kepada pengkaji semasa menjalankan kajian.

## 1.7 Kesimpulan

Tujuan bab ini sebenarnya adalah untuk memperkenalkan rangka kajian yang telah digunakan dalam kajian ini serta kesulitan-kesulitan yang dihadapi oleh pengkaji semasa menjalankan kajian. Butir-butir yang tercatat dalam tesis ini adalah merupakan hasil dari satu kajian yang dibuat ke atas beberapa hipotesis-hipotesis dari Teori Kawalan tentang

beberapa faktor-faktor yang mempengaruhi kepada perkembangan 'devian' yang juga termasuk pergaulan yang bebas iaitu yang menyleweng dari norma-norma masyarakat Melayu.

Walaupun begitu terdapat banyak lagi faktor-faktor lain yang mempengaruhi remaja kepada perlakuan itu malahan terdapat banyak faktor berkait dalam mendorong remaja kelembah pergaulan bebas. Para pengkaji barat telah menggunakan pendekatan tertentu dalam melihat pengaruh tersebut. Oleh itu dalam bab-bab yang seterusnya akan diperkatakan tentang konsep-konsep yang berkaitan serta faktor-faktor yang mempengaruhi serta kesan yang timbul akibat perlakuan itu.

## BAB: DUA

### 2.0 Pergaulan Remaja

Masalah remaja dan pergaulannya seperti sesuatu yang tidak dapat dipisahkan. Kenakalan remaja dalam pergaulan bukan sesuatu yang baru. Ia wujud sejak dahulu lagi dan sekarang menjadi serius diperkatakan.

Kata Stephan Schafer tentang masalah sosial:

'In the history of mankind, social problem and social society have been common. However, from these problems and derivance. Take change from month to month decade to decade and generation to generation' (4)

Apa yang dikatakan pergaulan? Apa yang menyebabkannya ia banyak diperkatakan. Timbul berbagai definisi tentang pergaulan ini. Semakin ramai pengkaji baru, semakin galak kita dapati definisi yang diberi adalah berbeza-beza. Tapi persoalan yang penting ialah perhubungan antara individu dengan individu lain atau kumpulan individu yang berinteraksi antara satu sama lain.

Pergaulan bebas ialah pergaulan yang diasas oleh Charles Mason yang dikenali dengan 'Hippies' di Amerika. Golongan ini satu golongan yang menggalakkan pengikutnya bebas dalam segala tindakan. Bebas melakukan seks dengan ditonton oleh rakan lain, rambut panjang, tidak mandi dan dadah. Hidup mereka hanya untuk keseronokan. Kita disini dapatlah dikatakan bebas itu menyeleweng dari norma-norma masyarakat, boleh dianggap satu 'devian' kerana ia dilarang. Ia bersifat flekaibel dan setiap pengkaji akan memberikan definisinya mengikut persepsi masing-masing.

### 2.1 Definisi Konsep Pergaulan Remaja

Kita akan melihat pergaulan yang bertentangan dengan norma-norma masyarakat atau lebih tepat pergaulan bebas. Tiada satu definisi khususnya. Ini mungkin diakibatkan dari berbagai-bagai tanggapan oleh pakar-pakar yang terlibat dan ia berbeza-beza di antara negara di dunia. Pergaulan corak ini boleh dikatakan jenayah delikwensi.

---

(4) - Schafer S. Social problem in the Changing Society. Issue and Derivance. Reston Publishing Company 1975:(x).

Menurut Paul W. Toppan, antara sebab-sebab kenapa sukar dibuat definisi yang boleh dipersetujui ramai adalah dari akibat pertentangan review mereka yang terlibat. Menurutnya lagi:

'Agresing on a precise definition of juvenile delinquency is perhaps the most complex issue faced by those who must deal with the problem' (5)

Disini kita dapat buat definisi sendiri tentang pergaulan bebas iaitu pergaulan yang melibatkan tingkah-laku yang bertentangan dengan norma-norma dalam sesuatu masyarakat. Tingkah-laku itu termasuklah perhubungan yang keterlaluan seperti yang diakibatkan oleh pergaulan seperti tinggal sebilik lain jantina berkongsi, sek sebelum kahwin, mencuri dan bergaul dengan individu atau kumpulan jenayah. Jadi disini dapat dikatakan pergaulan yang bebas itu adalah satu yang bertentangan dengan perlakuan biasa walaupun ia hanya kenakalan remaja tapi kadangkala membawa keruntuhan moral.

### Remaja

Remaja kalau dikategorikan adalah 'juvenile' iaitu budak-budak yang berumur 10 - 18 tahun tapi nampaknya ia tidak bersesuaian dalam kajian ini kerana remaja kilang adalah 17 tahun ke atas. Ini kerana di Malaysia pekerja berdaftar mestilah berumur 17 tahun ke atas untuk beberapa tujuan yang menjamin keselamatan dan perlindungan diri sewaktu bekerja. Golongan remaja di bawah umur bekerja adalah salah disisi undang-undang buruh Malaysia dan akan diambil tindakan jika ada pihak atau sektor kilang yang mengambil pekerja di bawah umur.

Jadi dalam hal ini dapatlah dikatakan istilah remaja mengikut pendapat Puan Norata Bahari dari Jabatan Psikologi Kanak-Kanak, golongan remaja adalah kanak-kanak lelaki atau perempuan yang berumur antara 13 - 20 tahun dan lebih tepat ialah datang haid bagi perempuan dan akil baliq bagi lelaki. (6)

Menurut para psikologi remaja adalah diperantaraan yang memisahkan kanak-kanak dengan dewasa. Remaja ialah zaman perubahan yang dilalui oleh individu dari peringkat kanak-kanak ke alam dewasa atau matang dan sering dipanggil golongan remaja.

---

(5) - Knudten. R.D. Schator, 1970:29

(6) - Puan Norata Bahari, Majalah Seleta, Oktober 1982:34

Pada peringkat umur begini, remaja sering mengalami alam perubahan dan krisis identiti. Mereka bangga dan berlagak dewasa walaupun tidak tahu apa masalah remaja dan akibatnya. Para psikologi berpendapat, ego para remaja ketika ini adalah lebih kuat. Apabila ego tercabar atau kemahuan hatinya gagal diperolehi, maka akan timbul ketegangan yang boleh memungkinkan berlakunya perlakuan yang kurang sopan dan perbuatan anti-sosial asal dapat mengikut kata hatinya. Maka pada masa ini jugalah mereka akan terdorong kepada pergaulan dan melakukan perbuatan yang terlarang. Mereka mudah mengikut ragam pergaulan rakan sepergaulan dan terpengaruh terhadap apa yang orang lain buat.

Jestru itu, pembentukan sikap seseorang individu, peribadi, sekolah dan nilai masyarakat adalah ditentukan oleh faktor-faktor sosialisasi, pendidikan, pengetahuan dan asuhan keluarga dari kecil. Ini akan mencerminkan perwatakan dan pembawaan kehidupan mereka. Namun begitu takrif remaja bukan satu yang mutlak ia bergantung pada pandangan masyarakat, apa yang penting disini ialah remaja satu golongan yang belum berkahwin di bawah umur 21 tahun, ia lebih tepat jika ini dikatakan remaja baik lelaki atau perempuan pekerja kilang.

Dalam konsep pergaulan ini tiada 'senction' yang ditetapkan tapi hanya pandangan masyarakat saja yang dapat menunjukkan reaksi terhadap pelakunya. Tetapi apabila perlakuan akibat pergaulan membawa kepada pelakuan 'devian' yang lain seperti kejadian rogol (suka sama suka atau paksa), mabuk, dadah dan lain-lain yang berkaitan dengan akibat pergaulan ia akan dibicarakan dan jika bersangkutan dengan kesalahan akan dijatuhkan hukuman. Remaja sebegini tidak boleh diperlindungan di bawah Akta Mahkamah Kanak-Kanak 1947 tapi bagi perempuan ia masih dilindungi oleh Akta Perlindungan Wanita.

Maka dalam tesis ini, para pelaku yang terlibat dalam corak pergaulan akan dilihat melalui pengalaman dan kajian pengkaji serta pendapat pelakunya tanpa dari bahan-bahan atau kes-kes yang terlibat kerana tidak direkodkan. Setiap responden yang dikaji adalah para pekerja kilang dari golongan remaja dan ia akan berkisar pada kehidupan mereka seharian dan aktiviti pergaulan yang mereka libatkan diri.

## 2.2 Pergaulan Dan Darjah-Darjah Pergaulan

Pergaulan seperti yang dinyatakan dan didefinisikan seperti di atas walaupun ia masih samar-samar lagi. Pergaulan dapat dinyatakan dalam beberapa corak iaitu:

Pergaulan sesama rakan sebaya dan adik beradik di mana remaja bergaul dan berinteraksi dengan adik-beradik dan rakan sebaya serta berbuat aktiviti yang difikirkan sesuai dengan kumpulan.

Pergaulan sesama jenis pula ialah mereka yang berhubungan dan berinteraksi dengan kaum sejenis baik lelaki atau perempuan. Masa-masa tertentu akan dihabiskan bersama, banyak masalah diputuskan bersama dan segala aktiviti harian bersama. Perempuan berinteraksi dengan kaum sejenisnya tanpa campurtangan lelaki dalam hal berkenaan masalah perempuan seperti pasal lelaki, keagamaan dan sebagainya. Begitu juga dengan lelaki.

Pergaulan lain jantina biasa diperkatakan yang mana interaksi dan perhubungan antara lawan jenis iaitu perempuan dan lelaki. Pergaulan yang sebegini yang akan terjalannya aktiviti-aktiviti 'devian' dan bebas. Ini tidak bermakna corak-corak pergaulan yang lain tidak membawa kepada pergaulan 'devian' dan bebas. Semuanya ini akan atau mungkin membawa kepada delikwensi akibat pengaruh rakan-rakan, sesama samseng, sesama jantina atau lain jantina dan juga kerana tekanan psikologi. Pengaruh-mempengaruhi dalam pergaulan inilah yang membawa kepada pergaulan yang bebas dan menyeleweng dari norma-norma masyarakat. Mereka merasa kepuasan di atas segala perlakuannya.

Memandangkan pergaulan banyak membawa kepada perbuatan yang delikwensi seperti pergaulan bebas tanpa batas dan norma masyarakat 'multidimensional problem'. Ia adalah bersifat anjal dan sering berubah-ubah mengikut persepsi masyarakat tertentu sesuai dengan pendapat Don C. Gibbons

'The boundaries of the category of delinquency are elastic, stretching and contracting with the changing wind of community opinion' (7)

---

(7) - Gibbons. 1981:6

Dilihat dalam kamus Dewibahasa delikwensi bererti kerosakan moral perbuatan jahat dan tidak bertanggungjawab. Jadi disini pergaulan remaja banyak membawa kepada kerosakan akhlak, perbuatan jahat dan tidak bertanggungjawab maka dengan itu ia boleh dikatakan delikwensi. Perlakuan yang dilakukan semasa pergaulan adalah bertentangan dengan norma-norma kebiasaan satu-satu masyarakat itu serta 'expectation' satu-satu masyarakat dalam satu sistem sosial masyarakat menurut Gibbons:

'A Youthful misbehaviors that riolates legal status' (8)

Jadi sangat sukar kita melihat samada pergaulan remaja ini membawa kepada kesalahan-kesalahan yang boleh didakwa dan salah disegi undang-undang yang bergelar jenayah. Berdasarkan undang-undang bertulis iaitu undang-undang Malaysia. Akta Mahkamah Budak-Budak 1947, menyatakan individu yang mencapai 18 tahun boleh dipertanggungjawabkan dengan jenayah seperti yang tercatat di dalam Seksyen 82. Hukum kanun keseksaan (Law of Malaysian 1972). Disini bolehlah dinyatakan bahawa perbuatan yang lahir dari pergaulan remaja yang mendatangkan keburukan pada masyarakat dan sama diertikan dengan jenayah boleh didakwa.

Dalam konsep pergaulan remaja sukar mengklasikan bentuk jenayah yang dilakukan dan perlakuan mereka ada yang bertentangan dengan norma-norma masyarakat tapi tidak dari undang-undang. Apa yang penting disini ialah corak pergaulan remaja kilang sekarang banyak berorientasikan kepada budaya barat dalam segala aspek pergaulan. Untuk itu beberapa perkara perlu diambil kira untuk menentukan atau dilebelkan samada remaja terlibat dalam gejala keruntuhan moral akibat pergaulan yang membawa kepada jenayah seperti kekerapan, ketetapan dan rersiatiliti kesalahan-kesalahan yang dilakukan..

Memandangkan di Malaysia pergaulan remaja kilang dipandang serius sering jadi sasaran sebagai punca keruntuhan akhlak dan kerendahan moral serta terlibat dalam jenayah masyarakat yang delikwensi. Terdapat berbagai pendapat dan kontraversi menentukannya. Edwin Dowers dan Helen witner telah memberi 2 aspek penting:

- (a) sejauh mana seriusnya perlakuan itu
- (b) kekerapan
- (c) sikap mereka terhadap masyarakat (golongan) yang mentaati undang-undang.

Berdasarkan 3 aspek ini ia boleh dibahagikan kepada 5 perkara untuk menentukan adakah pergaulan yang dilakukan oleh remaja bersalahan:

- (a) Most Deliquent
- (b) Ordinary Deliquent
- (c) Least Deliquent
- (d) Occasional Deliquent
- (e) Seldom Deliquent

Dari sini kita dapat lihat jenis perlakuan yang 'nakal' yang dilakukan oleh remaja. 'Nakal' disini ialah satu perbuatan yang akan mendatangkan pandangan negatif masyarakat terhadap pelakunya.

Walter A. Lunden dari United State (W.A. London 1954) memberi tahu ada 34 jenis kesalahan yang dilakukan mengikut susunan darjah kekerapan yang dilakukan.

Kita boleh melihat samada pergaulan itu baik dan mengikut norma masyarakat dengan membezakan pergaulan yang bercorak delikwensi. Pergaulan delikwensi berbeza seperti kata Albert K. Cohen.

'Delinquents differs from non-delinquents in that he has frustration, deprivations, insecurities, anxieties, guilt feeling or mental conflict which differ in kind or degree from those of non-delinquents children' (9)

Para remaja yang terlibat dalam pergaulan ini akan merasa kecewa, tertekan, tidak selamat, rasa bersalah serta menghadapi konflik mental yang berbeza dengan yang bukan golongan remaja itu. Tetapi sifat bangga mereka membuat mereka gembira dan seronok kerana pegangan hidup untuk bebas.

Sebagai kata akhir dapatlah dikatakan remaja sekarang terutama remaja kilang ramai terlibat dalam pergaulan bebas dan bertentangan dengan norma-norma masyarakat. Mereka bebas melakukan apa saja yang ingin kerana mereka merasa telah dewasa dan terlepas dari kongkongan ibubapa, masyarakat dan jiran tetangga. Mereka tidak memperdulikan apa orang lain kata tentang mereka malah perlakuan mendatangkan kegelisahan dan keburukan pada orang lain dan inilah yang dikatakan delikwensi dan jenayah seperti kata R.A. Cloward dan L.E. Oklin mentafsirkan ia adalah perlakuan yang bertentangan dan melanggar norma-norma masyarakat dan ia boleh dikenakan hukuman-hukuman tertentu ke atas mereka.

---

(9) - Ibid - ibid - 65

Paul W. Toppan pula melihat takrif pesalah dari 2 pendekatan:

- (a) Legal/judicial approach yang bersifat formal
- (b) Case-work/social approach yang bersifat tidak formal dan the repentic. (Knudten & Schafer 1970)

Dalam melihat pergaulan remaja kilang tidak semua boleh di-pandang moralnya tapi ada juga yang begitu sedar siapa mereka. Mereka menjaga maruah dan nilai diri, tidak melibatkan diri dengan perbuatan penentangan norma yang ditetapkan. Melihatkan dalam perkara yang menguntungkan, positif dan akan mengelakkan diri apabila ada rakan-rakan kumpulannya terlibat dalam perkara yang tidak baik dan menasihati ketelanjuran mereka. Mereka juga tidak mahu dipanggil kolot, tidak pandai bergaul dengan rakan, yang pasti mereka hanya sekadar pemerhati saja tanpa mempraktikkan tapi kalau sebab iman dan terpengaruh tergolonglah mereka dalam kancah pergaulan yang tidak bermoral.

### 2.3 Teori

Pengkaji-pengkaji menggunakan berbagai-bagai teori yang berbeza untuk menyatakan pendekatannya. Ramai pengkaji berorientasikan kepada 2 pendekatan utama iaitu secara 'biobical' dan 'sonologikal'. Pengkaji akan cuba menerangkan dengan ringkas kedua-dua pendekatan memandangkan ia boleh digunakan dalam tesis ini.

#### A. Pendekatan Psiologikal

Pendekatan ini memandangkan biologikal manusia para jenayah atau delikwensi yang mana boleh dilihat dari pergaulan yang menyeleweng dari norma-norma masyarakat. Pendekatan ini melihat dari segi struktur organik yang menentukan perbuatan derian mereka dimana seseorang yang terlibat ke dalam kancah ini adalah akibat dari kemorosotan dan kecacatan aspek somatik dan pesekitarnya.

Pendekatan 'somatological' adalah perkaitan dengan tubuh manusia. Faktor-faktor somatik menentukan seseorang itu delikwensi atau sebaliknya. Pendekatan ini merupakan asas kepada tingkah-laku jenayah atau liar seperti pergaulan bebas dengan menekankan kepada ukuran badan(tubuh) dan manipulasi statistiknya. Pendekatan serupa ini telah mengabaikan nilai-nilai moral, etika dan falsafah kerana ia hanya melihat tubuh badan manusia.

Satu lagi pendekatan ia secara psikologikal, ia berkait dengan faktor-faktor mental dan kejiwaan. Walaupun ia ada berkait dengan somatik tapi ciri-ciri psikologi dipentingkan dalam pembentukan tingkah-laku daripada ciri-ciri fizikal manusia. Seseorang ahli psikologi Sigmund Frued (1920) telah cuba memahami 'psychodynamic' para pelaku. Beliau mendapati bahawa perlakuan perkaitan rapat dengan tidak sedar, interpretasi tentang bagaimana otak atau fikirannya berfungsi dan penerangan dinamik tentang perkembangan personaliti. Beliau berpendapat bahawa otak manusia berfungsi berdasarkan kepada id, ego dan superego. Id merupakan dorongan biology dan instnet, superego merangkumi unsur-unsur kemasyarakatan dan moral sementara ego adalah perantaraan di antara id dan superego. Ianya mengintrepetasikan keperluan semulajadi manusia dan realiti dalam personaliti mereka. Dengan itu pada asasnya teori Frued berkaitan sekitar latar pengalaman perhubungan yang tegang antara remaja atau yang terlibat dengan apa yang rapat dengannya. Apabila berlaku konflik dan tidak dapat dikawal maka mereka akan mengintrepetasikan konflik itu ke dalam alam nyata melalui tindakan-tindakan yang bertentangan dengan nilai-nilai serta norma-norma dalam masyarakatnya.

Disini dapat kita lihat bahawa perlakuan manusia khususnya remaja yang terlibat dalam kancah ini adalah dari sifat atau diri sendiri melakukan perbuatan yang begitu yang bertentangan dengan norma-norma dalam masyarakat adalah jalan keluar dari tekanan dan masalah psikologikal dengan dibantu oleh sifat-sifat yang ada padanya.

#### B. Pendekatan Secara Sosiologikal

Pendekatan ini adalah satu pendekatan yang biasa digunakan di dalam mengkaji masalah terutama dalam masalah sosial ini jika dibandingkan dengan pendekatan biologikal. Ia melihat bagaimana personaliti manusia distrukturkan atau dibentuk melalui hubungan dengan masyarakat dan persekitaran. Dengan kata lain dilihat dari segi aspek sosial yang mempengaruhi perlakuan itu.

Gibbons mengklaskan teori Delikwensi berdasarkan pengaruh sosial kepada tujuh kumpulan yang utama iaitu:

- (i) Control Theory
- (ii) Cultural Deviance View

- (iii) Strain Theory
- (iv) Social Learning Theory
- (v) Labeling Arguments
- (vi) Radical Conflict Theory and
- (vii) Situational Accounts Theory (10)

Ia adalah penting kerana setiap teori berkaitan dengan sebab-sebab perlakuan tingkah-laku manusia.

Di dalam tesis ini pengkaji hanya akan mengambil Control Theory (Teori Kawalan) yang dipopularkan oleh Travis Hirschi 1969 dalam melihat sebab-sebab dan faktor-faktor yang mempengaruhi remaja itu terdorong ke lembah yang menyeleweng dari norma-norma masyarakat seperti jenayah dan pergaulan bebas.

### C. Teori Kawalan (Control Theory)

Teori kawalan oleh Travis Hirschi merupakan salah satu teori yang digunakan sepenuhnya dalam tesis ini. Melalui teori ini satu penekanan secara relatif serta proses-proses yang menyebabkan berlakunya jenayah atau delikwensi. Teori ini melihat bagaimana masyarakat atau kumpulan-kumpulan sosial mengenakan kawalan ke atas ahli-ahlinya kerana ini adalah merupakan penekanan asas bagi semua ahli-ahli teori kawalan sosial. Pendek kata berdasarkan teori ini, remaja akan melakukan kesalahan atau perbuatan yang bertentangan dengan norma-norma masyarakat apabila ikatan sosial atau 'social band' individu telah terputus maka remaja akan merasa 'faulty-self images' dan sanggup melakukannya. Menurut Gibbons, ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa perlakuan ini terdiri dari mereka yang menderitai low-self esteem, a negative sense of self or insensitivity dan lack of concern for the opinion of others. Ini juga kemungkinan ketidakmampuan masyarakat mengawal kewujudannya iaitu to effect social control (11)

Dalam teori kawalan seseorang itu bebas melakukan apa yang diinginkan seperti jenayah, pergaulan bebas iaitu perbuatan yang bertentangan dengan norma-norma masyarakat kerana pertaliannya dengan masyarakat telah longgar atau pun telah terputus. Disebabkan hal ini, remaja merasakan dia boleh melakukan apa yang diinginkan sesuatu yang dirasa-

---

(10) - Gibbons, op: cit: 1981

(11) - Gibbons, op: cit: 1981

kan baik atau akan mendatangkan kepuasan atau keseronokan wahal perlakuan itu sebenarnya adalah bertentangan dengan pandangan dan kebiasaan masyarakat. Jadi melalui teori kawalan oleh Hirschi ini, remaja yang terlibat bebas melakukan apa saja yang diinginkan apabila ikatan mereka ke atas conventional social order terpisah.

Teori kawalan berlegar di sekitar konsep ikatan dan bands iaitu merujuk kepada ikatan individu terhadap 'social order' dan perlakuan standard yang menentukan kelakuan-kelakuan tertentu. Manusia boleh melakukan apa saja yang difikirkan kerana ia mempunyai hak sendiri serta bebas melanggar undang-undang sekiranya itu yang mereka kehendaki. Dalam masyarakat mempunyai beberapa aturan dan mereka terikat dengan 'conventional order' yang ditetapkan oleh masyarakatnya sehingga mereka jadi tidak bebas. Beberapa orang pengkaji mengakuinya seperti Merton, Cohen, Cloward dan Chain.

Berdasarkan ahli-ahli teori kawalan, sekatan dan ikatan yang dikenakan ke atas remaja melalui peraturan konvensional yang ditetapkan telah mendatangkan masalah yang harus diikuti yang bertentangan dengan kemahuan mereka. Remaja akan merasa tertekan sehingga mereka rasa perlu untuk melanggar konvensional itu atau melarikan diri dari sekatan-sekatan tersebut akhirnya menyebabkan mereka berkelakuan liar dan terlibat dalam pergaulan bebas.

Teori kawalan boleh difahami dengan jelas yang menunjukkan faktor-faktor yang mempengaruhi (kerelaan dan keputusan) kearah perlakuan jenayah sebab pergaulan bebas tergolong dalam jenayah walaupun tiada senction yang ditetapkan tetapi jika ia mendatangkan jenayah lain seperti rogol, mabuk atau dadah ia akan dihukum dan didakwa. Yang penting semua itu adalah kerana berpunca dari pergaulan yang liar dan bebas.

Dalam rajah di bawah kelinatan bagaimana seseorang remaja itu boleh terdorong melibatkan diri dalam jenayah dan pergaulan bebas berdasarkan keadaan dan faktor-faktor konkrit dan abstrak. Hirschi berpendapat bahawa terdapat empat elemen yang berkaitan.

Pola-pola dan perbuatan hasil dari interaksi dengan ibubapa (keluarga), saudara, rakan jiran dan sebagainya.

PERTALIAN		PARTISIPASI		PENGLIBATAN		KEPERCAYAAN	
kuat	lemah	kuat	lemah	kuat	lemah	terima	tolak


Kerelaan untuk libatkan diri dengan perlakuan-perlakuan yang bertentangan dengan undang-undang

RAHSIA		KEMAHIRAN		SUMBER		SOKONGAN SOSIAL		SOKONGAN SIMBOLIK	
Takut akan di-kesan	Tidak akan di-kesan	Perlukan latihan khusus	Sama dgn. ke-mahiran umum	Sukar di-per-olehi	Mudah di-per-olehi	Tiada kawan deli-kwensi	Ada kawan deli-kwensi	Kurang defini-nasi terhadap	Mempunyai definasi terhadap jenayah

Jika ganjaran yang diharapkan daripada perlakuan jenayah (pergaulan bebas) melebihi daripada kos, maka kemungkinan besar jenayah berlaku

Hasilnya: Pergaulan Bebas Jenayah

FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI KERELAAN DAN KEPUTUSAN UNTUK LIBATKAN DIRI DALAM PERGAULAN BEBAS (JENAYAH)



SUMBER: Steven Box, Deviance, Reality and Society, Holt Rinehart & Winston Ltd, London, 1975:153

Elemen-elemen tersebut ialah:

- (a) pertalian (attachment)
- (b) penglibatan (commitment)
- (c) penyertaan (involvement)
- (d) kepercayaan (belief)

Elemen-elemen tersebut merupakan benda yang mengikat seseorang individu itu kepada peraturan-peraturan konvensional. Ianya merupakan sebagai penentu kerelaan remaja terhadap pergaulan jenayah (bebas) tapi belum sampai melakukannya.

#### A. Pertalian (Attachment)

Pertalian disini merujuk kepada perasaan kasih sayang atau sensitiviti individu terhadap pandangan orang lain atau keteguhan ikatan dengan orang lain misalnya keluarga, rakan sebaya, rakan sejenis dan jiran tetangga. Ianya diukur sebagai dan hubungan sosial ke atas orang lain sebagai penentu tingkah-laku. Teori ini berpendapat bahawa samada remaja itu sensitif terhadap pendapat orang lain adalah bergantung kepada kualiti-kualiti hubungan sosial bukannya personal attributenya sebagai faktor yang membantu kepekaannya ke atas masyarakat. Ia menekankan kepada fluctuating emotional involvement of participants in human relationship - Pendapat Cohen.

'The imagination which people have of one another are the solid facts of society (Box S 1975)'

Pertalian disini merujuk kepada hubungan atau ikatan emosi yang boleh digunakan ke atas satu sama lain iaitu apabila wujudnya satu set tingkah-laku harapan masyarakat yang diterima tetapi akan berlaku apabila pertalian tersebut gagal. Maka individu atau remaja akan mencari elemen-elemen lain yang boleh diikuti. Jelasnya semakin kurang ikatan pertalian akan bertambah perlakuan yang menjejaskan masyarakat dan semakin berlaku menentang norma-norma yang ditetapkan bila kuat ikatan pertalian itu.

#### B. Penglibatan (Commitment)

Ia merujuk pada elemen rasional dalam ikatan sosial, dimana individu tidak akan melakukan aktiviti tertentu melainkan jika ada sesuatu untuk mereka erta yang mengikat mereka dengan kata lain

merujuk kepada ganjaran sosial yang terikat kepada kehendak masyarakat dan sejauh mana individu menurut perlakuan yang ditetapkan dan dikehendaki oleh masyarakat. Ia digambarkan dalam bentuk pelaburan masa dan tenaga dalam gaya hidup iaitu bagaimana remaja tersebut mencapai gaya hidup yang telah ditetapkan. Menurut Hirschi, penglibatan ini adalah komponen rasional di dalam confirmity.

Jadi ia adalah penting penglibatan dalam masyarakat. Jika kurang penglibatan atau bahagian dalam masyarakat membuat remaja melibatkan kegiatan yang lain dari yang ditetapkan tapi ia tidaklah sepenuhnya dan kita tidak boleh melihat penglibatan sebagai satu ukuran kuantitatif yang simpel. Tahap penglibatan yang dilihat sebagai ikatan sosial adalah bersifat subjectively assessed.

### C. Penyertaan (Involment)

Partisipasi timbul dari penglibatan. Setiap mod penghidupan mendedahkan manusia kepada kemungkinan-kemungkinan yang berbeza. Partisipasi bermaksud:

' The construction of our actions demanded by a chosen way of living ' (12)

Ianya boleh dikatakan 'masa' seseorang mengikut aktiviti konvensional. Individu yang banyak melibatkan diri dengan aktiviti konvensional kurang atau tiada masa untuk menghabiskan masa tanpa faedah dan terlibat dalam pergaulan bebas dan jenayah. Sebagai misalnya remaja kilang, mengambil 'overtime' atau 'part-time', sukan, persatuan dan sebagainya. Hal ini akan membuat mereka tiada atau kurang masa untuk bergaul dengan rekan yang lain alirannya atau kumpulan remaja liar. Menurut Hirschi, semakin tinggi tahap penglibatan sosial individu, semakin rendah kemungkinan mereka menentang norma-norma masyarakat.

### D. Kepercayaan (Belief)

Ia merujuk kepada kesanggupan manusia (remaja) menilai dan mempertahankan isu-isu mengenai norma-norma moral dan sosial serta undang-undang yang telah ditetapkan oleh masyarakat. Ringkasnya, merujuk kepada sejauh mana norma-norma masyarakat diinternalisasikan (iaitu kawalan dalaman). Sekiranya ramai yang menginternalisasikan

norma-norma umum tersebut maka semakin kurangnya peluang untuk mematuhi undang-undang yang telah ditetapkan. Jadi bila seseorang individu atau kumpulan remaja yang engkar pada undang-undang serta norma-norma tapi membanggakan penyelewengan norma semakin ramailah yang melakukannya. Menurut Hirschi:

'The less person believe he should obey the rules the more likely he is to violete them'. (13)

Maka dengan penjelasan di atas dapatlah dihuraikan bahawa teori kawalan menekankan kepada angkubah moral. Travis Hirschi, jenayah atau pelarian dari norma-norma masyarakat yang timbul akibat dari ketidakhadiran kepercayaan yang menghalang perlakuan itu. Beliau telah mengaitkan hubungan antara individu dengan masyarakat. Secara tidak langsung 'ikatan' yang terdapat dalam ini dapat disamakan dengan kawalan sosial dalaman dan luaran di dalam Theory Conteiment oleh Reckless (W.C. Reckless, 1961). Kepercayaan merujuk pada kawalan dalaman sementara porfisipasi dan penglibatan merujuk pada kawalan luaran. Kepercayaan konvensional akan meningkat lagi kawalan dalaman (kepuasan peribadi yang dilahirkan dari penyesuaian dan ketidakpuasan yang dilahirkan dari penentangan norma-norma tertentu), sementara pertalian, pertisipasi dan penglibatan meningkatkan lagi kawalan luaran (ganjaran sosial yang dilahirkan dari penyesuaian dan dendaan ekoran dari penentangan terhadap norma-norma masyarakat).

Kita dapat lihat apabila partisipasi, pertalian dan penglibatan menjadi lemah serta penentangan terhadap norma-norma konvensional telah ditetapkan maka dengan mudah remaja mencari jalan keluar dengan rela melakukan perbuatan di luar norma-norma. Walaubagaimana pun remaja terpaksa mengambil berbagai-bagai faktor untuk meneruskan aktiviti deviennya iaitu kemahiran (skill), rahsia (secrery) pembekalan (suply), sokongan sosial dan simbolik (social and symbolic support) dan 'moral holiday'.

Bila adanya faktor atau salah satu faktor ini barulah remaja dalam kerelaan melakukan kesalahan dan pergaulan yang bertentangan.

Pergantungan individu terhadap faktor-faktor yang berkaitan adalah penting sebelum sesuatu aktiviti diadakan.

---

(13) - Hirschi T: 1969: 26

Secara ringkasnya, implikasi dari pertalian, penglibatan perfisipasi dan kepercayaan yang telah lemah dan minima akan membuat remaja yang terlibat rela memikirkan untuk melakukan perbuatan-perbuatan yang bertentangan dengan undang-undang dan norma yang ditetapkan. Dengan kewujudan elemen-elemen ini serta diperkukuhkan oleh faktor-faktor kemudahan di atas maka remaja berkenaan akan men-jelmakan kehendak nalurinya untuk melakukan pergaulan yang bercorak jenayah atau bebas.

Sebenarnya terdapat berbagai-bagai teori lain yang boleh di-gunakan dalam melihat pengaruh pergaulan dan sebabnya terjadi per-gaulan bebas walaupun tidak specific kerana kekurangan definasi tepat tentang pergaulan (society). Antara lain teori yang boleh di-gunakan ada kaitan dengan teori kawalan ialah 'Strain or Motivational Theory', 'Culture Divience Theory', 'Culture Conflict Theory' yang mana masing-masing menjelaskan bagaimana remaja terlibat dalam masalah dalam masyarakat dan menyelerang dari norma-norma masyarakat. Ini kerana kehendak-kehendak remaja atau anggota masyarakat tidak dapat diperuhi oleh norma-norma masyarakat. Jadi mereka telah mencari jalan keluar yang bertentangan dan terjerumus ke lembah pergaulan bebas dan melakukan jenayah.

#### 2.4 Kesimpulan

Masalah pergaulan yang sering diperkatakan adalah pergaulan remaja yang terlalu menjolok mata baik dari segi perlakuan, percakapan, pakaian atau pun moral dan ia dapat didefinasikan sebagai bebas dengan erti kata 'trend' barat dalam negara sedang membangun. Kita dapat lihat kadar pertumbuhannya semakin ketara dengan adanya faktor-faktor pengaruh barat yang maju dimana telah membelakangkan etika hidup. Kadar masalah sosial terlalu tinggi di negara maju yang mana mereka diberi kebebasan memilih cara hidup sendiri, sampaikan ada sek bebas dan perkahwinan sesama jenis, tapi disini masih belum sampai ke tahap itu.

Terdapat berbagai takrifan yang diberikan terhadap pergaulan yang dikatakan keterlaluan tapi yang nyata ia adalah satu perbuatan yang bertentangan dengan norma masyarakat dan ada kalanya ia boleh dianggap delikwensi atau jenayah.

Apabila ia sampai ke tahap bahaya seperti rogol, dadah atau ada geng-geng motor yang menjalankan kegiatan jenayah ia akan dikenakan sanction atau didakwa.

Jelasnya apa yang dimaksudkan akibat pergaulan berlaku jenayah tapi ia bergantung pada tempat, masa dan anggota-anggota satu komuniti. Dengan ertikata lain dari sudut undang-undang pesalah tidak melanggar undang-undang negara seperti pergaulan lain, jantina, disko dan enjoy life tapi dari segi sosial dan pandangan masyarakat melayu ia bersalah.

Begitu juga dengan teori dan pendekatan yang telah digunakan oleh ramai pengkaji untuk melihat masalah sosial ini juga ada berbagai-bagai. Ada yang melihat dari segi sudut pelaku sendiri dan ada yang membabitkan pengaruh persekitaran dan masyarakat. Jadi sebagai rumusan bahawa terdapat berbagai-bagai teori telah digunakan untuk mengkaji masalah sosial ini. Setiap teori akan menekankan aspek yang tertentu saja dan ia akan berubah mengikut raliatinya atau kepercayaan masing-masing.

FAKTOR-FAKTOR YANG MEMBAWA KEPADA KEBEBASAN PERGAULAN

Pengkaji akan melihat bagaimana kawalan dalam masyarakat boleh mempengaruhi seorang remaja untuk terlibat dalam corak pergaulan bebas. Pengkaji telah menggunakan teori kawalan oleh Hirschi seperti yang telah dinyatakan dalam bab 2 sebagai dasar dalam menganalisa responden-respondan dari kalangan remaja kilang yang mendorong penglibatan mereka dalam pergaulan dengan kumpulan yang bebas dan menyeleweng dari norma-norma masyarakat. Di dalam bab ini pengkaji akan mengemukakan elemen-elemen yang mempengaruhi kerelaan remaja untuk terlibat.

Bab ini dibahagikan kepada beberapa bahagian. Dalam bahagian A pengkaji akan melihat tentang ikatan sosial yang di antaranya tentang kekeluargaan, pelajaran, konflik dalam nilai masyarakat dan sebagai remaja melayu yang semestinya Islam maka agama juga akan diberi perhatian. Disini kita akan lihat bagaimana semua faktor-faktor ini memberi kenyataan tentang tingkah-laku remaja khususnya remaja kilang yang rata-rata terlibat dalam segala aspek pergaulan.

Dalam bahagian B - pengkaji akan melihat pengaruh perhubungan. Perhubungan adalah satu elemen penting dalam interaksi individu, jadi pengkaji akan melihat pengaruh rakan-rakan dan keadaan tempat kerja, peranan media masa dan persekitaran tempat responden tinggal.

Bahagian C iaitu bahagian yang terakhir pengkaji akan mengkaji tentang pembawa kebebasan pergaulan, yang nyata iaitu latar-belakang dan kemudahan yang ada untuk kerelaan responden melakukan perlakuan itu.

A. IKATAN SOSIAL

3.1 Kelonggaran Hubungan Kekeluargaan

Keluarga atau family merupakan satu institusi dan agen pembentukan utama setiap anggota keluarga. Keluarga sebagai unit asas dalam menentukan kelakuan seseorang itu samada ia akan jadi baik atau jahat, kata Floyd M. Martinson.

'The family is probably the most important of the human relationship networks devised to meet personal and group need because these networks are bound together with a family structure and because the family performs a part of the functions necessary for individual life' (14)

Petikan di atas dapat dirumuskan keluarga asas terpenting menentukan perlakuan individu dan sesuatu yang diperlukan dalam kehidupan individu. Ini memandangkan keluarga adalah kumpulan sosial yang pertama dalam hayat manusia dalam menuju ke arah kedewasaan. Walaupun apa pun dipengaruhi dalam jiwa atau pengaruh lain-lain sosialisasi tapi keluarga tetap menjadi kumpulan sosialnya yang asas dan utama.

Dalam teori kawalan, didikan serta kasih-sayang dari keluarga amat penting sekali. Kelakuan remaja adalah dari refleksi perlakuan keluarganya.

Menurut G. Dunstan Mitchell

'Socialization covers child rearing techniques... as well as acquisition of language and co-operation and conflict. (15)

Proses sosialisasi merupakan satu proses yang kompleks kerana ia merangkumi teknik pemeliharaan anak-anak disamping cara-cara menggunakan bahasa, kerjasama dan konflik. Seseorang individu memperoleh pengetahuan, kemahiran dan budi pekerti yang membolehkan berinteraksi dalam masyarakat dengan cara yang berkesan dan efektif.

Bila hubungan kekeluargaan menjadi longgar seperti yang terdapat dalam teori kawalan dengan elemen-elemen pertalian, partisipasi dan penglibatan. Kelonggaran ikatan kekeluargaan ini mendorong remaja mencari jalan keluar. Kelonggaran fizikal dan kasih sayang diakibatkan dari berbagai sub-faktor. Antaranya ialah bilangan adik-beradik yang ramai, perceraian ibubapa (broken home) dan masalah ibubapa yang bekerja sehingga mengurangkan kawalan pada family terutamanya anak-anak remaja.

---

(14) - F.M. Mortinson, Family in Society, N.York, 1970; 9:10

(15) - G.D. Mitchell (ed) 1970; 1970

Masalah remaja dan anak-anak tidak dapat diselesaikan dengan keluarga jadi mereka akan mencari jalan yang lain iaitu dari rakan-rakan atau sesiapa yang dapat memberi pengertian yang mereka mahu.

#### Bilangan Adik-Beradik

Ramai remaja kilang terdiri dari adik-beradik yang ramai. Ramai disini bermaksud lebih dari 4 orang iaitu berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Lembaga Perancang Keluarga Kebangsaan pada tahun 1967. Apabila bilangan adik-beradik ramai, remaja akan membawa diri masing-masing dan ini dapat mempengaruhi mereka berkelakuan liar.

Remaja kilang ini kebanyakan bebas dari keluarga dari segi kongkongan dan perhatian adalah akibat perkara di atas, ini berdasarkan dari butir-butir yang diperolehi yang mana adik-beradik mereka terdiri dari lebih 4 orang.

Rajah 3.1 - Bilangan adik-beradik responden

Bilangan adik-beradik	Lelaki	%	Perempuan	%	Jumlah	%
1 - 4	6	20	7	23.1	13	21.5
5 keatas	24	80	23	76.2	47	78.1
Jumlah	30	100	30	100	60	100

Dari jadual di atas, kelihatan sebahagian besar remaja kilang yang terlibat terdiri dari bilangan adik-beradik yang lebih besar baik lelaki atau wanita. Jumlah adik-beradik 4 orang kebawah setelah dijumlah kedua-dua jantina hanya 21.5% tapi berbanding dengan adik-beradik atas 5 orang iaitu 78.1%. Dapat dilihat dengan jelas remaja kilang rata-rata mempunyai adik-beradik yang ramai.

Ini menunjukkan bahawa bilangan adik-beradik yang ramai boleh mempengaruhi remaja terutama remaja kilang memandangkan mereka telah bekerja. Ia berlaku kerana dalam keluarga yang ramai. Setiap anak-anak cuba mendapat kasih-sayang yang terbanyak dari ibubapa mereka. Ada juga remaja yang membawa diri untuk kepentingan adik-beradiknya yang lain dan sanggup berkorban dengan membawa diri dari keluarga atau untuk membantu meringankan bebanan keluarga dengan mencari kerja yang setaraf dengannya iaitu kilang

Disinilah bermula pergaulan yang tidak dikawal oleh keluarga dan tiada lagi kemesraan sesama ahli keluarga. Mereka telah dapat membawa diri masing-masing dan mencari rakan-rakan sehaluan untuk mendapat kemesraan dan kasih-sayang yang telah hilang. Remaja yang seperti inilah yang berpotensi besar terbabat dalam pergaulan bebas iaitu dalam erti kata berkelakuan sesuka hati dan jauh dari perhatian ibubapa. Bagi yang tinggal bersama keluarga dianggap sudah besar dan sudah bekerja terdapat ramai adik-beradik lain yang perlu diberi perhatian. Kebebasan seperti inilah yang mendorong mereka berkelakuan liar akibat kelonggaran ikatan kekeluargaan. Tetapi kita juga tidak harus melupakan faktor yang juga penyebab terlibatnya remaja kilang, walaupun adik-beradik tidak famai, ini kerana terlalu memanjakan anak-anak, mengikut segala kemahuan mereka tanpa di larang tindak-tanduk mereka menyebabkan anak remaja semakin berani dan terjerumus dalam kebebasan.

Kemesraan adik-beradik dan keharmonian rumah juga diambil kira, bila selalu berlaku pergaduhan antara adik-beradik, ibubapa membuatkan remaja merasa rumah mereka tidak dapat memberi kegembiraan dan akan mencari jalan dengan keluar dari rumah untuk hiburan dan senangan fikiran, mencari pekerjaan yang bersesuaian. Di sektor kilang mereka mempunyai ramai kawan-kawan sebagai tempat mengadu, minta pertolongan uan sebagainya. Dalam jadual 3.2 pula didapati lebih ramai remaja akan mengadu hal dan masalah mereka kepada kawan-kawan memandangkan mereka tidak mempunyai saudara-mara untuk dijadikan pelindung dan penasihat. Disini bermulalah perlakuan mereka dalam perinteraksian di luar rumah dan bergaul dengan rakan-rakan. Jika rakan yang dipilih itu jahat dan liar remaja itu akan terikut-ikut perlakuan rakannya itu dan begitu juga sebaliknya.

Dalam jadual 3.2 di bawah, setelah dijumlahkan kedua-dua jantina dalam perkara yang sama kita dapati 43.2%, dikalangan remaja mengadu pada rakan-rakan sepergaulan berbanding dengan keluarga hanya 16.4% saja. Jika jumlah kedua-dua kumpulan keluarga iaitu ibubapa dan adik-beradik masih berkurangan iaitu 39.6%. Ada remaja yang suka mengambil jalan sendiri dan tidak perlu sesiapa untuk dibawa berbincang, iaitu 26.4%. Remaja seperti ini bertindak mengikut kata hati muda mereka dan akan melibatkan diri dengan sesiapa juga pun.

Tempat mengadu sesuatu hal ~~respondan~~

Tempat mengadu hal	Bilangan	%
Rakan-rakan	26	43.2
Adik-beradik	8	13.2
Ibubapa	10	16.4
Tidak berbincang	16	26.4
Jumlah	60	+ 100

Ibubapa yang mempunyai anak-anak yang ramai terpaksa membahagikan kasih-sayang dan perhatian yang tidak sama rata di antara anak-anak mereka. Ibubapa akan beri perhatian yang lebih pada anak-anak yang pintar dalam persekolahan dan yang mempunyai personaliti yang baik. Anak-anak yang lain yang tiada kriteria tadi merasa diri mereka seperti di sisih oleh ibubapa, apatah lagi kebodohan mereka. Ini bererti rasa pertalian, penyertaan dan penglibatan dengan keluarga telah longgar. Ini satu potensi besar untuk remaja berpindah dari rumah atau mencari hiburan dengan orang yang lain dan dalam saat ini remaja telah mewujudkan kerelaan untuk melibatkan diri dengan pergaulan dengan rakan-rakan.

Fenomena seperti ini banyak terjadi di desa-desa atau luarbandar, ini juga berdasarkan responden yang dikaji. Kebanyakan mereka berasal dari kampung kemudian berhijrah ke Petaling Jaya atau Kuala Lumpur apabila tamat persekolahan atau gagal dalam peperiksaan. Remaja merasa kegagalan mereka menyebabkan kasih-sayang keluarga telah longgar dan keinginan mereka membantu keluarga juga faktor membuat mereka berhijrah ke bandar mencari pekerjaan dengan harapan meringankan bebanan ibubapa mereka tetapi apabila sampai di kawasan pergaulan dan menyewa bersama beberapa rakan-rakan membuat mereka terpengaruh apatah lagi mereka tinggal jauh dari keluarga. Mereka telah hilang kasih-sayang dan hubungan dengan keluarga tiada siapa yang menghalang perlakuan mereka, akibatnya telah mendorong atau membuat mereka rasa bebas untuk melibatkan diri dengan aktiviti-aktiviti dan pergaulan

yang bertentangan dengan kepercayaan konvensional yang telah ditetapkan oleh masyarakat.

### Penceraian Ibubapa (Broken home)

Ibubapa memainkan peranan penting dalam mensosialisasi anak-anak. Apabila berlakunya penceraian antara ibu atau bapa, yang akan jadi mangsa ialah anak-anak yang sedang dalam proses pembesaran dan memerlukan kasih-sayang.

Menurut M.S. Wolfgang:

'The broken family ..... may result in a ability for the remaining parent to 'control' the child, fail to provide proper 'role model' or fail to contribute sufficient material or paternal loves. (16)

Wolfgang berpendapat tidak mungkin hanya seorang saja ibu atau bapa saja yang dapat mengawal atau menjaga anak-anak mereka dengan sewajarnya. Kerjasama kedua pihak amat di perlukan bagi mendidik anak-anak bila berlakunya 'broken home' membuat anak-anak terbiar dan kehilangan kasih-sayang.

Para remaja merasa diri mereka terasing dan sebagai penyebab penceraian ibubapa. Jadi sebagai jalan keluar mereka akan mencari tempat perlindungan yang lain dan bekerja sebagai punca ekonomi mereka. Perkara yang penting bagi para remaja ialah perasaan dan masalah duit (ekonomi) disebabkan 'broken home' membuat mereka membawa diri, bertanggungjawab atas diri sendiri dan tidak lagi memerlukan keluarga sebagai tempat menumpang kasih-sayang dan tempat tinggal. Apabila hubungan remaja dengan ibubapa renggang ini akan mendorong remaja terlibat dengan aktiviti-aktiviti liar.

Remaja dari 'broken home' ini mempunyai disiplin yang kurang. Mereka dibiarkan berkelakuan sesuka hati. Kebebasan sepenuhnya dan kebenaran ibubapa membenarkan anaknya membawa haluan sendiri melemahkan lagi rasa pertalian, penglibatan dan partisipasi mereka terhadap keluarga. Mereka bebas bergaul dan bertindak sesuka hati.

---

(16) - Wolfgang M.E : 1970. 489

Jadual 3.3

Kadar kebebasan yang diperolehi oleh responden

Keterangan kebebasan	Tinggal menyewa	Bersama keluarga	Total	%
Kebebasan mutlak	46	4	50	83.2
Sederhana bebas	4	5	9	15
Terkongkong	0	1	1	1.4
	50	10	60	+100

Dari jadual di atas kita lihat remaja kilang kebanyakan membawa diri masing-masing dengan menyewa bilik dan tinggal dengan bukan ahli keluarganya. Seramai 50 orang responden mendapat kebebasan mutlak tiada siapa yang menghalang segala perlakuan mereka iaitu + 83.2%. Ini kerana mereka telah tinggal jauh dari keluarga dan yang tinggal dengan keluarga pula dianggap sudah bebas dan sudah bekerja, tidak perlu perhatian ibubapa lagi. Boleh dikatakan hampir keseluruhan responden yang dikaji tidak dikongkong oleh sesiapa pun, hanya + 4%, satu jumlah yang terlalu kecil. Kebebasan yang diberikan dan melampau telah disalah gunakan oleh remaja berkenaan sehingga melepaskan diri mereka dari ikatan sosial dan terbabit dengan perbuatan yang rendah moral.

#### Ibubapa Yang Bekerja

Bila dikalangan ibubapa bekerja dan tiada masa untuk anak-anak uan tidak dapat memberi perhatian sepenuhnya. Anak bosan tinggal di-rumah. Para remaja mula keluar rumah mencari hiburan dengan rakan-rakan. Apabila habis alam persekolahan anak remaja mencari kerja kerana bosan tinggal bersama keluarga dan mungkin juga tujuan mereka untuk membantu ibubapa yang miskin. Mereka bekerja di sektor per-kilangan yang tidak perlukan kelulusan tinggi dan kemahiran. Remaja akan berpindah atau keluar dari rumah kerana tempat tinggal jauh dari kawasan bandar tapi masih ada juga yang tinggal bersama keluarga bagi remaja yang berasal dari bandar dan hampir dengan Petaling Jaya. Secara tidak langsung ini menyebabkan ikatan sosial dan hubungan

kekeluargaan menjadi longgar dan membolehkan remaja tersebut bercampur-gaul dengan rakan sekerja atau masyarakat di tempat tinggal barunya. Ini bergantung pada pilihan sendiri dalam pergaulan.

Ini dijelaskan dengan lebih nyata lagi dimana kebanyakan remaja kilang datang dari desa dan tergolong dari keluarga miskin. Keluarga mengharap bantuan anak-anak, malah ada yang memaksa anak-anak bekerja, tidak kira apa kerja asalkan dapat membantu meringankan beban keluarga. Cara yang mudah ialah bekerja disektor perkilangan. Hal anak-anak tidak dihiraukan, soal pergaulan tidak diambil berat tapi yang penting wang yang diberi setiap bulan kepada keluarga.

### 3.2 Kongkongan Dari Keluarga

Faktor ini tidak kurang pentingnya mengapa remaja boleh terlibat dalam pergaulan bebas. Ibubapa yang terlalu mengongkong kebebasan anak-anak, tidak memahami masalah dan tidak mahu mendengar apa masalah mereka. Remaja tertekan duduk di rumah, hal ini membuat pelajaran terabai dan apabila gagal persekolahan mereka terus mencari jalan keluar dari kongkongan keluarga. Bekerja disektor kilang dan menyewa bilik bersama rakan-rakan sekerja atau siapa saja asalkan ada tempat tinggal dan bebas dari kongkongan ibubapa mereka. Walaupun ada saudara-mara atau abang, akakak berhampiran dengan tempat kerja iaitu sekitar Petaling Jaya terutama remaja lelaki yang mana lebih suka tinggal menyewa bilik atau rumah bersama rakan-rakan kerana mereka akan dapat kebebasan mutlak. Bila tinggal bersama saudara atau ahli keluarga kegiatan mereka masih dikongkong dan dibatasi oleh ahli keluarga. Golongan remaja inilah yang akan memabitkan diri dalam pergaulan bebas, bebas dalam erti kata tiada batasnya. Sekali dapat kebebasan sampai tak ingat dunia lagi.

Maka jelaslah bahawa ikatan dan kawalan sosial yang longgar boleh mendorong remaja mencari ketenangan dengan cara yang lain selain dari keluarga. Remaja terlibat dengan pergaulan bebas dan melakukan perbuatan-perbuatan yang menyeleweng dari norma-norma masyarakat. Seseorang remaja kemungkinan besar melibatkan diri dalam geng atau kumpulan pergaulan yang telah sedia dengan tingkah-laku liar dan bebas menggantikan keluarganya. Ini adalah ekoran dari ikatan kekeluargaan yang longgar malah terputus terus bagi remaja yang telah keluar dari

rumah dan menetap di kawasan tempat tinggal yang baru sebaliknya pula pertalian dengan deliquent group bertambah erat untuk membawa ke alam baru yang penuh dengan keseronokan dan kebebasan. Pendapat ini dipersetujui oleh Wainberg yang menyatakan:

'Boys becomes deliquent when for individualized purposes of emotional security, self-ancherment or conflict resolution, they seek and select accessible associates from whom they learn, accept and expressed criminal attitude' (17)

Menurut Hirschi, remaja yang berhubung rapat dengan keluarga jarang terlibat dengan corak pergaulan deliquent. Ini sebab remaja sering berdampingan dengan seisi keluarga dan berkongsi mental dengan ibubapa, mereka menganggap uapa sebahagian dari kehidupan sosial dan psikologinya. Ekoran dari inilah kurang yang melibatkan diri dalam jenayah dan kebebasan pergaulan tapi perlu diingatkan kasih-sayang yang berlebihan dan keterlaluan juga menyebabkan remaja terlibat diri dalam pergaulan yang mana telah disalah gunakan oleh remaja apa maksud kasih-sayang dan kebebasan itu.

### 3.3 Pelajaran Dan Taraf Pendidikan

Pelajaran juga sebagai punca mensosialisasi kanak-kanak sampailah keremaja. Ia juga satu faktor dalam mempengaruhi jiwa remaja. Kata-kata pekerja kilang bahagian operator pengeluaran mempunyai kelulusan tingkatan 5 atau tamat persekolahan. Apabila lepas persekolahan mereka terus meminta kerja sebagai Operator Pengeluaran. Disini nampak yang golongan remaja masih mentan lagi untuk menghadapi alam pekerjaan. Apabila terlibat dengan pekerja akan terperangkap dengan berbagai-bagai logam manusia dan rakan-rakan untuk bergaul, pilih kawan dan minat untuk melakukan sesuatu perkara punca mereka terlibat dalam kegiatan liar dan bebas.

Ramai remaja kilang sejak dari sekolah lagi telah menampakkan kelembapan dalam pelajaran. Remaja ini suka menghabiskan masa dengan ponteng dan hiburan serta bergaul dengan rakan-rakan yang bersekolah atau yang telah bekerja. Mereka terpengaruh dengan cara hidup yang

---

(17) - W.A. Ruzking 1935:59

bebas dan liar. Hal ini membuat mereka lupa dan bosan dengan pelajaran. Potensi mereka untuk terlibat dalam corak pergaulan telah ada sejak di bangku sekolah lagi. Bila gagal dan bekerja mereka teruskan corak hidup mereka yang telah mereka semaikan sejak alam persekolahan.

Jadual 3.4

Tingkat pelajaran yang dicapai oleh responden

Kekerapan Tingkat Pelajaran	Kedua-dua jantina	%
Sekolah Rendah	3	5
Sekolah Menengah Tingkatan 3	21	35
Sekolah Menengah Tingkatan 5	36	60
Tidak Bersekolah	-	-
JUMLAH	60	100

Dari jadual itu dapat dapat tiada remaja kilang bahagian operator yang mempunyai pendidikan yang tinggi. Pelajaran tertinggi setakat S.P.M (Sijil Pelajaran Malaysia) yang mana dari kajian kebanyakannya gagal atau setakat gred 3 yang menghalang mereka meneruskan pelajaran. Malah itulah saat yang dinantikan untuk bekerja dan sebagai kunci kebebasan dari keluarga. Seramai 36 orang (60%) bersekolah sampai tamat tingkatan 5. Sebenarnya telah mula menunjukkan reaksi yang negatif sejak dari dahulu lagi tapi sebagai memenuhi kemahuan ibubapa, minat dan cenderung tiada bagi remaja yang dikaji tapi ada remaja yang gagal dan dipaksa berhenti kerana paksaan ibubapa dan bukan dengan kerelaan sendiri. Ini dapat dilihat pada jadual itu tiada seorang pun responden yang tidak bersekolah. Disini juga kita lihat bahawa pelajaran remaja kilang disini adalah rendah dan desakan-desakan pelajaran membuat mereka jemu dan mencari kerja di kilang. Sikap mereka yang mengabaikan pelajaran dan sering melibatkan diri dengan kehidupan di luar sekolah, dimasa mereka sekolah terbawa-bawa ke alam pekerjaan yang sememang lebih mencabar. Hal ini menyebabkan mereka terjerumus ke lembah pergaulan bebas kerana kurang pengalaman. Ekoran gagal dari persekolahan menunjukkan partisipasi dan penglibatan mereka kurang tapi erat di kalangan remaja tidak bersekolah menyebabkan mereka menolak norma-norma konvensional yang telah ditetapkan. Mereka tidak hiraukan pandangan masyarakat malahan lebih gemar berkelakuan

seska hati. Akibat dari ikatan sosial yang longgar ini apabila mereka telah bekerja mereka semakin berani dan tidak ragu lagi melibatkan diri ke dalam kancuh pergaulan bebas.

### 3.4 Pertentangan Sistem Nilai

Faktor yang melihat bagaimana perlakuan pergaulan bertentangan dengan nilai dan norma masyarakat. Ekoran dari penglibatan, pertalian dan partisipasi yang kurang dan lemah, sudah pasti penerimaan mereka terhadap kepercayaan konvensional juga adalah negatif. Remaja ini menolak sistem nilai yang ditetapkan oleh masyarakat. Kelemahan elemen-elemen tersebut yang wujud dari pertentangan ini bererti 'social bond' antara remaja tersebut dengan masyarakat adalah longgar atau terputus. Ini mudah bagi mereka terlibat dalam kebebasan pergaulan. Menurut Stalin:

'The higher the volume of clashes among the legal norms, for always and values in a given community, the higher the crime rate' (18)

Jadual 3.5

Persepsi Remaja (Respondan) Terhadap Masyarakat Kawasan Tempat Tinggal

Keterangan Persepsi	Bilangan	%
Baik hati	10	17
Sederhana	16	27
Suka ambil tahu hal orang	20	33
Sombong dan penting diri	14	23
JUMLAH	60	100

Jadual di atas (Jadual 3.5) yang menunjukkan bagaimana penerimaan remaja terhadap masyarakat sekelilingnya. Kelihatan dari jadual itu 20 orang (33%) merasa jiran-jiran mereka terlalu mengambil tahu dan mengawasi perlakuan orang lain. Perasaan negatif ini membuat mereka

membenci jiran-jiran tempat tinggal kerana mereka terasa mereka di-kongkong oleh norma-norma yang dikenakan oleh masyarakat setempat.

Maka jelaslah para remaja kilang menolak kepercayaan konvensional akan mudah terpengaruh dengan anasir-anasir jahat oleh rakan sepergaulan. Elemen 'belief' ini berserta dengan pertalian dan penglibatan yang longgar meninggikan lagi potensinya untuk terlibat. Keadaan ini dapat dilihat melalui Jadual 3.6 yang menunjukkan perhubungan remaja dengan masyarakat tempat mereka menyewa atau masyarakat setempat adalah jarang dan renggang. Seramai 42 orang remaja mempunyai hubungan jarang (tiada hubungan) dengan masyarakat setempat dan secara tidak langsung remaja terlepas dari 'social bond' remaja merasa mereka bebas melakukan apa saja tanpa menghiraukan apa kata masyarakat sekeliling kerana perhubungan, telah terputus.

Jadual 3.6

Hubungan Antara Respondan Dengan Masyarakat Setempat

Bentuk perhubungan	Bilangan	%
Rapat	4	6.4
Biasa	14	23.2
Jarang/tiada hubungan	42	70
JUMLAH	60	± 100

Maka jelaslah elemen-elemen abstrak di dalam Teori Kawalan Sosial Hirschi menetapi tujuannya untuk melihat bagaimana seseorang remaja itu rela untuk melibatkan diri dengan aktiviti-aktiviti yang bertentangan dengan norma-norma masyarakat dan melibatkan diri dengan pergaulan tiada batas serta membuat jenayah bersama rakan-rakan sepergaulan.

### 3.5 Pegangan Agama (Merujuk Pada Agama Islam)

Memandangkan kajian yang dijalankan hanya pada remaja yang beragama Islam maka agama merupakan satu faktor yang penting. Pegangan agama yang longgar boleh mempengaruhi seseorang terlibat dalam

kebebasan pergaulan kedua tiada pegangan dan nilai agama Islam. Agama merupakan satu unsur dalam proses sosialisasi manusia. Dengan ada agama dalam jiwa mereka, remaja tidak akan mudah terpengaruh dengan cara hidup kebaratan dan nilai agama lain tidak akan meresap ke jiwa remaja ini. Dalam dunia kebendaan sekarang nilai agama tidak berapa dititikberatkan menyebabkan remaja sekarang kejatuhan moral dan maruah ternoda kerana tiada pegangan agama yang kukuh.

Seseorang yang mempunyai kepercayaan agama yang mendalam bererti mempunyai ikatan yang kukuh dalam masyarakat. Mereka tahu apa sebenarnya konsep pahala dan dosa atas apa tindakan yang mereka lakukan. Tetapi sekiranya ikatan tersebut longgar atau tergugat iaitu dengan kurangnya kepercayaan dan pegangan mereka terhadap agama maka sudah tentulah mereka akan merasa bebas untuk melakukan apa saja tanpa perasaan takut pada Allah dan malu pada keluarga atau masyarakat sekeliling. Mereka akan meninggalkan kesan negatif pada perlakuan diri iaitu dengan melibatkan diri atau tertarik dengan cara hidup barat dari segala segi termasuk pergaulan bebas. Disini pengkaji melihat faktor pegangan agama yang longgar ini dapat mendorong seseorang ke arah pergaulan bebas yang dilarang agama.

Jadual 3.7

Darjah Pendidikan Agama Yang Diperolehi Oleh Respondan

Darjah Pendidikan Agama	Bilangan	%
Ada didikan (Basic)	40	66.4
Kurang didikan	20	33.2
Tiada didikan	-	-
JUMLAH	60	± 100

Jadual 3.8

Sumber Didikan Agama Respondan

Sumber Didikan Agama	Bilangan	%
Sekolah Biasa	36	60
Sekolah Biasa Dan Rumah	14	23.2
Sekolah Agama	10	16.4
Rumah Sahaja (Ibubapa)	-	-
JUMLAH	60	± 100

Berdasarkan jadual 3.7, pengkaji mendapati remaja hanya menerima pendidikan agama yang sedikit saja. Dari jadual seramai 40 orang (± 66.4%) mendapat didikan secara dasar saja dan seramai 20 orang (33.2%) kurang mendapat didikan agama tapi semua ada menerima didikan agama tapi terlalu cetek.

Bagi mendapat didikan agama itu mereka hanya mendapat didikan semasa mereka di sekolah iaitu seramai 36 orang (60%) seperti yang dicatat dalam jadual 3.8. Seramai 14 orang (23.2%) mendapat didikan di sekolah dan di rumah. Masih ada juga yang belajar di sekolah agama iaitu seramai 14 orang tetapi mereka dipaksa oleh ibubapa bukan dengan rela hati. Mereka tidak mempraktikkan agama Islam yang suci itu. Ini yang membuatkan mereka melibatkan aktiviti yang bertentangan dengan agama. Mereka seolah-olah mengabaikan tanggungjawab dan kewajipan pada agama malah menganggap agama hanya membebankan dan menghalang tindakan mereka.

Jadual 3.9

Kekerapan Respondan Mengerjakan Sembahyang

Kekerapan	Bilangan	%
Alim	0	0
Jarang Sembahyang	45	75
Tiada Pernah	15	25
JUMLAH	60	100

Dari jadual 3.9, 45 orang (75%) jarang melakukan sembahyang, bagi remaja lelaki mereka hanya akan sembahyang bila hari Jumaat dan balik ke kampung, bagi wanita pula hanya bila balik kampung. Ini kerana masih ada perasaan segan kepada ibubapa dengan tujuan merahsiakan rahsia diri. Malah ada remaja yang tidak pernah mengerjakan sembahyang, ini bukan aneh tapi kenyataan. Hampir 15 orang mereka hanya Islam pada nama tapi tidak pernah melakukan apa yang disuruh oleh Islam. Jelaslah kurangnya amalan keagamaan menjadi faktor yang mendorong remaja terlibat dalam kebebasan pergaulan.

Bila remaja kurang didikan agama bermakna kurang juga pegangan dalam hidup mereka. Mereka tidak rasa gentar, takut pada keluarga atau masyarakat. Mereka tidak tahu konsep dosa dan pahala. Mereka tidak pedulikan nilai dan norma-norma konvensional yang telah ditetapkan. Dengan erti lain mereka sanggup ke alam kebebasan pergaulan yang bertentangan dengan agama Islam yang maha suci.

B. PENGARUH PERGAULAN

4.6 Rakan Dan Tempat Kerja

Tidak dapat dinafikan rakan adalah faktor yang kuat pengaruhnya dalam mempengaruhi para remaja terlibat dalam sesuatu corak pergaulan. Ia bergantung pada rakan yang sebagaimana dipilih, jika baik kawan yang dipilih, baiklah remaja dan sebaliknya. Remaja yang bekerja di sini dan tinggal berjauhan dari keluarga jadi temanlah tempat mengadu nasib dan berperanan membentuk peribadi seseorang remaja. Kebanyakan

remaja kilang tidak memilih rakan untuk dijadikan sahabat. Ini kerana mereka mempunyai latar-belakang yang berlainan. Pertemuan dan pergaulan hanya berlaku selepas bekerja dan bercampur gaul dengannya.

Jadual 3.10

Jenis Rakan Yang Disukai Oleh Respondan

Jenis Rakan	Bilangan	%
Linciah/Rugged	35	58.2
Bertimbang rasa/Sopan	10	16.4
Sederhana	15	25
JUMLAH	60	+ 100

Dari jadual di atas 3.10 pengkaji mendapati remaja meminati dan cenderung pada rakan-rakan yang linciah dan rugged, bagi mereka rakan seperti ini boleh dibawa berunding dan boleh 'enjoy'. Seramai 35 orang memilih rakan yang linciah sebagai sahabat berbanding dengan yang bertimbangrasa 10 orang yang bagi mereka 'artodok' dan tidak pandai bergaul. Akibat dari perhubungan yang rapat maka semakin kukuhlah pertalian, penglibatan dan partisipasi dengan rakan-rakan menggantikan ibubapa yang telah terputus ikatan. Dengan rakan-rakan mereka bebas berhubungan dan berinteraksi kerana mereka menyewa bilik atau rumah bersama. Remaja kilang juga selalu memilih kawan-kawan satu tempat kerja untuk memudahkan mereka berinteraksi dan mengadakan pertemuan bila-bila masa. Jadi disini tempat kerja juga berperanan dalam mempercepatkan gerak bebas remaja.

Jadual 3.11

Kekerapan Respondan Terlibat Dengan Rakan-Rakan

Masa	Bilangan	%
Bila-bila masa	35	58.2
Selepas kerja/rumah	20	33.2
Hujung minggu/cuti	5	8.4
JUMLAH	60	+ 100

Kekerapan remaja berjumpa dan terlalu banyak menghabiskan masa dengan rakan mereka membuatkan remaja terlibat dengan pergaulan bebas. Kita lihat dalam jadual 3.11, 35 orang (58.2%) remaja tidak kira masa berjumpa rakan samada masa kerja atau selepas kerja. Seramai 20 orang (33.2%) menghabiskan masa bersama rakan di dalam rumah sewa, seperti yang ditunjukkan dalam jadual 3.12, remaja kerap menghabiskan masanya di tempat hiburan dan rumah sewa. Seramai 33 orang (55.5%) dan 25 (41.4) remaja menuju kepada tempat hiburan dan rumah sewa. Mereka mencari keseronokan dan ketenangan pada anggapan mereka. Tempat hiburan dan rumah sewa jadi sasaran kerana segala perbuatan yang mereka lakukan dapat dirahsiakan dari pengetahuan umum.

Kekerapan pihak sektor kilang mengadakan rombongan dan parti-parti di kilang juga sering digunakan oleh remaja untuk keseronokan dalam pergaulan. Bebas melakukan apa saja dalam parti liar itu kerana dalam parti itu apa yang mereka mahu ada minuman, perempuan dan lelaki bergaul bersama dan memberi peluang mereka melakukan apa yang bertentangan dengan nilai agama dan norma-norma masyarakat. Remaja tidak akan melepaskan peluang ini kerana dalam usia begini mereka begitu terpengaruh dengan apa jua corak hiburan dan keseronokan diri.

Jadi jelaslah rakan dan tempat kerja, tempat di mana pergaulan bermula kearah kebebasan pergaulan.


### 3.7 Media Massa

Media massa memang diakui sebagai agen yang banyak mempengaruhi sikap individu dalam perlakuan harian. Masalah remaja dan kegiatan remaja dipaparkan dalam media massa. Media massa mengajar remaja atau individu bertindak. Terdapat satu teori tentang media massa iaitu Consensual Paradigma. (19) Kelakuan individu dianggap positif (walaupun ianya satu devian) tetapi maksud sebenar dijelaskan semula dalam konteks penyesuaian. Media massa sebagai satu alat penyebaran fikiran dan juga sebagai perwaja kepada sesuatu tindakan. Secara sistematiknya consensual media boleh dilihat

---

(19) - Paul Rock, Deviance and Social Control, Ravistode Publications 1974;229

seperti 'klafikasi berikut:



Terdapat kesan ke atas konsensual itu yang mana individu boleh salah faham sepenuhnya jika mereka tidak memperolehi dari sumber-sumber lain. Misalnya tentang pergaulan dengan menggunakan pil tidur atau pil khayal banyak digunakan oleh perogoi. Yang mana juga digunakan oleh remaja untuk pasangan wanitanya untuk tujuan yang sama.

Media massa dalam kes-kes tertentu juga boleh

- (i) Menyediakan garis panduan bila mana seseorang harus bertindak.
- (ii) Menyediakan maklumat sebagai satu kepercayaan dan tingkahlaku seorang 'devian'.

Contohnya, penagih dadah adalah kecenderungan dari kesilapan atau salah faham tentang maklumat-maklumat atau ketenangan yang terdapat dalam media massa.

Media massa juga menyediakan keterangan yang lengkap tentang material dan aktiviti-aktiviti erotic. Media massa juga berupaya menjadi sumber aspirasi yang bertenaga dan juga merupakan sumber panduan moral. Mereka mendorong 'devience' melalui penggalakan aspirasi seksual dan ekonomi yang tinggi serta dalam masa yang sama

menyediakan model-model yang bersifat menghukum, tetapi yang penting media telah menyediakan satu jalan dan pendorong kepada perlakuan yang bertentangan. Sebagai contoh akhbar mingguan yang sering menceritakan atau memaparkan keseronokan pergaulan rogol, dadah dan lain-lain, begitu juga dengan telivisyen dan media yang sering memaparkan kisah penjahat, hiburan liar dari barat dan filem lucah semuanya mendorong remaja mencuba dan terlibat.

Remaja kilang yang tinggal bersendirian dan menyewa bilik atau rumah akan memudahkan aktiviti itu dijalankan tanpa gangguan dari masyarakat keliling.

### 3.8 Persekitaran

Tidak dapat dinafikan persekitaran juga memainkan peranan dalam mendorong remaja kilang di Sungai Way terlibat dalam kebebasan pergaulan. Persekitaran di sini hampir keseluruhan dialami oleh para penghuni yang mewah dengan rumah-rumah yang mahal dan golongan yang berada. Dimana remaja kilang pula mendiami rakan di persekitaran dan berhampiran dengan kawasan perkilangan tempat atau tempat tinggal yang jadi tumpuan ialah di Flat P.K.N.S Taman Subang, Kampong Lindungan, Kampong Dato Harun, Sungai Way kawasan pekan dan juga di rumah-rumah mewah SS5 dan SS3 dengan menyewa beramai-ramai. Ramai juga remaja kilang yang menyewa bilik atau rumah di kawasan perumahan Cina atau bukan Melayu. Ini kerana bagi mereka dengan keadaan begini akan dapat merahsiakan kegiatan harian mereka. Orang (masyarakat) bukan Melayu tidak ambil berat tentang apa yang mereka lakukan.

Jadual 3.12

Persekitaran Pilihan Respondan

Jenis Persekitaran	Bilangan	%
Kawasan Cina/bukan Melayu	30	50
Setinggan	14	23.2
Flat P.K.N.S	14	23.2
Lain-lain	2	3.2
JUMLAH	60	± 100

Dari jadual di atas kita dapati responden lebih suka jiran tetangga mereka berbangsa Cina atau bukan Melayu kerana dengan ini segala perlakuan mereka tidak diperhatikan dan mereka bebas berbuat sesuka hati. Seramai 30 orang (50%) responden yang dikaji tinggal di kawasan Cina dan bukan Melayu. Yang mana selebihnya tinggal di setinggan-setinggan seramai 14 orang (23.2%) dan Flat P.K.N.S. yang berhampiran dengan kilang 14 orang juga. Selebihnya menyewa bersama rakan atau tinggal bersama keluarga ialah 2 orang (3.2%).

Dengan persekitaran yang demikianlah yang menyebabkan remaja kilang mudah terpengaruh dan melibatkan diri dengan kebebasan pergaulan. Tiada jiran atau sesiapa pun yang memerhati atau menasihati perbuatan mereka yang salah atau menyeleweng dari norma-norma masyarakat. Bila sudah menjadi satu perlaziman mereka akan meneruskan perlakuan itu sampai bila-bila selagi tiada gangguan dari sesuatu pihak atau persekitaran yang membenarkan perlakuan mereka atau pun memberi sokongan sosial atau simbolik. Bila antara remaja dan masyarakat sekitarnya tiada pertalian, partisipasi dan penglibatan mendorong remaja bertindak tanpa memikirkan norma-norma yang mereka lakukan itu salah dan menyeleweng dari norma-norma biasa.

Memang tidak dapat dinafikan kebenarannya. Persekitaran banyak mempengaruhi pergaulan remaja dan mendorong kepada kebebasan mereka bertindak. Jika tempat tinggal mereka hanya didiami kebanyakan remaja saja seperti di Flat P.K.N.S. Taman Subang yang mana flat itu block A, B dan C didiami oleh kebanyakan remaja kilang, mereka bebas berkelakuan liar atau apa saja yang ingin mereka lakukan kerana jiran-jiran sebelahannya adalah golongan remaja kilang juga. Persekitaran yang sebegitulah yang mendorong remaja terlibat dalam pergaulan yang bebas.

Sebagai kesimpulannya dapatlah dinyatakan persekitaran yang individualistik dan material dan kemudahan yang terdapat yang telah tersedia oleh persekitaran seperti tempat terlindung, taman, rumah kediaman, jiran-jiran sebelahannya dan lain-lain lagi yang mendorong remaja melibatkan diri dalam kebebasan pergaulan. Pergaulan bebas antara lelaki dan wanita juga berlaku kerana persekitaran yang menyediakan kemudahan untuk berinteraksi tidak mengira waktu dan masa kerana mereka tinggal berhampiran antara satu sama lain. Jadi dengan secara tidak langsung akan menjelmakan pergaulan yang bebas

dan tidak terkawal di kalangan remaja kilang.

### C. FAKTOR-FAKTOR LAIN

#### 3.9 Latar Belakang

Latar belakang responden yang mana telah sedia ada di jiwa mereka yang disemai sejak dari kecil lagi. Bagi responden yang tinggal di-kawasan bandar memang tidak perlu dipertikaikan lagi. Mereka terdedah pada persekitaran bandar yang membimbing dan mengajar mereka bergaul sejak dari bangku sekolah. Bandar yang menyediakan tempat bagi mereka untuk berhibur dan berseronok dengan kawan-kawan. Oleh yang demikian apabila bekerja mereka meneruskan tingkah-laku yang telah ada di-dalam jiwa mereka malah akan lebih berkembang lagi. Mereka akan mencuba sesuatu yang lebih berkesan dan mendatangkan keseronokan. Respondan yang sejak kecil telah pandai melanggar perlakuan yang ditetapkan akan meneruskan penyelewengan norma-norma itu apabila dewasa. Perasaan ego pada diri remaja semakin mendalam kerana perbuatan mereka tidak pernah dilarang oleh ibubapa atau masyarakat sekeliling.

Bagi responden yang berasal dari kampung yang mana di kampung ada adat dan peraturan yang telah ditetapkan oleh masyarakat. Mereka merasa bosan dan membawa diri ke bandar yang kemudian bekerja sebagai operator kilang. Kebebasan yang mereka uapat di bandar tidak dilepaskan begitu saja sehinggakan kebebasan itu telah disalahgunakan sehingga segala perbuatan mereka telah menyeleweng dari norma-norma masyarakat dan melibatkan diri dalam kancah kebebasan pergaulan.

Ada juga di antara ahli keluarga responden yang sememang telah liar dan terpengaruh dengannya (pergaulan bebas) telah mempengaruhi adik-beradik atau ahli keluarga yang lain untuk menyelamatkan diri dari diketahui oleh ibubapa. Apabila telah bersama adik-beradik perkara ini akan dapat dirahsiakan kerana mereka mempunyai kepentingan yang sama antara satu sama lain.

### 3.10 Kemudahan-Kemudahan

Kemudahan-kemudahan memang satu dorongan yang menyebabkan remaja melibatkan diri dalam kebebasan pergaulan. Apa tidaknya jika tiada kemudahan pergaulan mereka mungkin akan terbengkalai atau terganggu. Dalam masa ini remaja akan merasa ragu-ragu samada ingin meneruskan kegiatan-kegiatan mereka atau tidak. Antara kemudahan itu ialah bekalan, kemahiran, perahsiaan dan 'moral support'.

Mula-mula kita ambil bekalan dahulu. Dalam pergaulan kita perlu sesuatu alat atau barangan untuk digunakan dalam sesuatu corak pergaulan. Apabila semuanya ada mudahlah mereka menjalankan aktiviti yang mereka inginkan. Sebagai contoh dadah dan kenderaan seperti motor untuk mengambil dadah atau apa-apa saja yang diperlukan dalam pergaulan. Apabila seseorang itu ingin bergembira bersama-sama rakan sepergaulan mestilah akan ada beberapa kemudahan seperti minuman keras dan pil khayal. Ini diperlukan bila ada masa-masa yang diperlukan seperti masa parti atau bersama rakan sepergaulan atau pasangan masing-masing.

Kemahiran juga diperlukan dalam mendorong seseorang itu dalam pergaulan. Kemahiran dalam mencari bekalan seperti dadah tadi, cara-cara menggunakan dan menghisapnya. Semuanya diperlukan dalam pergaulan untuk mendorong seseorang itu terlibat. Apabila seorang rakan yang mahir dalam soal yang sedemikian akan mendorong seseorang remaja belajar sama untuk mendapat kemahiran itu. Dalam soal memikat perempuan atau lelaki juga perlukan kemahiran. Dengan cara yang tersendiri akan membuat pasangan lain jantina tergoda dan ini akan membawa kepada hubungan yang lebih serius. Dalam hal ini tentu ramai remaja lain juga ingin mendapat kemahiran dengan tujuan yang sama.

Kegiatan remaja dalam kebebasan pergaulan mestilah ada pengarahsian. Jika kegiatan mereka dapat dirahsiakan maka kegiatan yang mereka jalankan akan dapat berjalan dengan lancar dan licin. Apabila remaja yakin yang perlakuan mereka tidak diketahui oleh keluarga dan masyarakat maka mereka akan melakukan perbuatan yang menyeleweng dari norma-norma hidup masyarakat.

Sokongan moral pula datang dari rakan-rakan dan masyarakat juga. Rakan-rakan memberi perangsang dan dorongan yang mana mereka juga melakukan kelakuan itu tapi tidak ada apa-apa yang mendatangkan kesan

yang negatif malah keseronokan begitu juga masyarakat yang membiarkan kegiatan remaja itu tanpa gangguan. Ini secara tidak langsung mendorong remaja meneruskan kegiatan dan perlakuan remaja.

Itulah antara kemudahan-kemudahan yang akan mendorong remaja dan faktor penyebab remaja melibatkan diri dalam kebebasan pergaulan.

University of Malaya

KEBEBASAN PERGAULAN REMAJA DAN AKIBATNYA

Dalam bab ini pengkaji akan cuba menerangkan atau menghuraikan kebebasan-kebebasan pergaulan yang dilakukan oleh responden. Di dalam bab ini juga menerangkan bagaimana responden telah rela melakukan aktiviti-aktiviti yang bertentangan dengan norma-norma masyarakat Melayu dalam kehidupan harian mereka dan akan cuba juga menerangkan kesan dari tingkahlaku mereka itu pada diri responden sendiri dan pada masyarakat kelilingnya.

Memang tidak dapat dinafikan pergaulan remaja kilang semakin hari semakin nampak keliiaran mereka dalam segala segi baik pakaian atau aktiviti. Sering mengganggu ketenteraman awam seperti yang terjadi di blok B Flat P.K.N.S. Subang yang disewa oleh remaja kilang telah mengganggu penghuni-penghuni lain yang tinggal sama di blok itu. Mereka telah membuat bising dengan berkumpul beramai-ramai di beranda flat sambil bermain gitar dan membuat sesuatu yang mengganggu ketenteraman awam di waktu larut malam.

4.1 Pergaulan Sesama Jantina

Mula-mula pengkaji akan lihat pergaulan mereka sesama jantina yang pengkaji rasa perlu juga di selidik kerana pergaulan yang begini juga satu yang nampak kebebasannya. Remaja ini kami yang menyewa bilik dengan rumah bujang. Kita sendiri sedia maklum keadaan rumah bujang walaupun tidak pernah mengalami keadaan yang sebegini. Remaja ini banyak melibatkan diri dengan berbagai corak hiburan, tidak kira apa hiburannya yang paling diminatinya ialah menonton video lucu dan pergi ke Pub atau Disko di hujung minggu terutama di hujung bulan dimana pada masa ini remaja kilang baru mendapat gaji.

Mereka menonton video lucu itu beramai-ramai dengan rakan-rakan yang lain. Filem lucu memang menarik perhatian para remaja kerana pada masa ini mereka terdorong oleh nafsu muda yang meronta-ronta. Masa yang sebegini tidak akan dilepaskan, rata-rata responden yang ditanya semuanya pernah menonton filem lucu atau 'blue film'. Sambil menonton itu mereka akan membuat bising dan mengganggu jiran sebelah menyebelah rumah mereka. Video lucu ini juga mendorong remaja tadi mencari

kepuasan dengan cara yang lain terutama lelaki. Yang melancap takut melakukannya hanya akan melakukan masturbasi tapi yang berani akan ber-bual lebih dari itu atau pun mencari kenikmatan dengan perempuan jalang atau pun wanita yang boleh dipakai pada istilah mereka. Ini tidak dapat dinafikan kerana ada terdapat bukti yang nyata.

Hiburan yang lain seperti 'Pub' dan 'Disco' tadi seperti 'Holywood Disco' dan 'Pink Parthner Pub'. Ramai remaja kilang akan pergi bersama kumpulan untuk berhibur dan sambil itu akan meminum minuman keras. Mereka menghabiskan masa itu sering di malam minggu.

Jadual 4.1

Masa Respondan Ke Empat Hiburan

Masa	Lelaki	Perempuan	Jumlah	%
Bila gaji	15	20	35	58.2
Bila ada masa	5	5	10	16.4
malam minggu	10	5	15	25
JUMLAH	30	30	60	+ 100

Dari jadual di atas dapat jelas dilihat bahawa kebanyakan remaja samada lelaki atau wanita menghabiskan masa di Pub atau Disko bila dapat gaji iaitu di hujung bulan atau di hujung minggu bila ada orang atau rakan yang mempelawa. Seramai 15 orang lelaki dan 20 orang remaja wanita (58.2%) terlibat pada masa dapat gaji dan 15 orang (25%) apabila dijumlahkan pergi ke Disko atau Pub dimalam minggu. Remaja ini terasa keseronokan hidup bila berada dalam Disko atau Pub itu.

Apa yang mereka dapat di dalamnya, jawapannya hanya untuk keseronokan dan mencari pasangan menari dan bercumbu sambil minum-minum kerana dengan cara ini akan dapat menghilangkan rasa bosan di rumah atau bila tidak balik ke kampung.

Malam minggu adalah malam yang paling bererti bagi remaja kilang kerana pada malam itu mereka merasa bebas dari segala-galanya. Mereka mendapat kebebasan dalam segala segi. Mereka sering keluar malam dan balik hingga jauh malam malah ada yang terus tidak balik dan tidur di rumah rakan-rakan yang lain. Remaja lelaki akan jadi kutu-lepak bersama rakan-rakan sehingga pagi. Mereka bahagia dengan cara mereka, menjadi 'kutu embun' atau keleluwar. Mereka tidak ambil peduli apa orang lain atau masyarakat kata tentang diri mereka. Ini memandangkan masyarakat telah terputus perhubungan dan pertalian kejiwaan.

#### 4.2 Pakaian

Keruntuhan moral remaja kilang makin nampak dari segi pakaian mereka baik lelaki atau wanita. Yang wanita begitu berani memakai pakaian yang mendedahkan aurat yang terlalu menjolok mata. Sampai bak kata orang terbeliak biji mata kalau terpandang, mahu rasanya diterkam. Memakai seluar yang ketat, dada nampak jelas, mini skrit yang sendat dan pendek sampai nak nampak buntut dan bermacam-macam lagi. Lelaki pula dengan pakaian rock, bersubang di telinga, rambut Punk atau kerinting rock dan bermacam-macam lagi fesyen untuk mendapat perhatian. Boleh dikatakan pakaian mereka mencorakkan perlakuan mereka walau pun secara rambang saja tapi pakaian melambangkan peribadi. Jika kita lihat seseorang itu berpakaian sopan atau mini telekung kita akan pandang baik begitulah sebaliknya. Tapi jangan salah yang pakai telekung pun tak terbukti baiknya, seperti yang terjadi di Motorola baru-baru ini, walau pun tidak ada bukti tapi dari sumber-sumber yang diperolehi dan dipercayai, sipemakai mini telekung yang sedang berbuat perbuatan terkutuk telah didapati tanda salib di dahinya. Sudahlah berbuat maksiat itu salah, ini murtad pulak itu. Dimanalah perginya maruah mereka.

Ada juga di kalangan remaja kilang yang sering mengadakan parti-parti di rumah sewa mereka tanpa memperdulikan hal jiran sebelah rumah. Misalnya pada 2hb Oktober '87 yang lalu, pengkaji telah menyertai sama sebuah parti yang dianjurkan oleh seorang remaja kilang di sebuah rumah di Kampung Lindungan Sungai Way, Selangor. Di dalam parti itu terdapat minuman keras dan majlis tari menari. Terdapat juga pasangan yang mengambil kesempatan bercumbu-cumbu sambil menari, malah ada yang

tidak segan-segan berbuat begitu di khalayak ramai. Majlis itu selesai dalam pukul 4.00 pagi. Disini juga kita lihat kerendanan moral mereka. Mereka seperti mengamalkan cara hidup barat yang semuanya mendatangkan kemudharatan dalam masyarakat.

#### 4.3 Pemilihan Rakan Sepergaulan

Dalam soal memilih rakan sepergaulan, remaja kilang tidak terlalu memilih sangat siapa yang sudi berkawan dengan mereka, mereka kawan tanpa memikirkan latar belakang dan perangai mereka, apa yang penting hati terhibur dalam pergaulan itu. Rakan-rakan yang digemari oleh mereka ialah yang lincah dan rugged yang mana bagi mereka senang dibawa berbincang dalam satu-satu hal termasuk hal peribadi.

Memang susah untuk mentafsirkan kebebasan remaja kilang ini kerana tiada bukti atau data yang boleh dijadikan rujukan. Dalam soal pergaulan ini bukan hanya remaja kilang yang terlibat tetapi remaja-remaja lain yang mana seusia dengan mereka, jadi ia adalah sukar untuk mencari bukti-bukti yang kukuh dan konkrit. Remaja lepasan sekolah atau pun remaja yang menganggur juga terlibat. Kesukaran ini membuatkan pengkaji susah untuk mengkafikasikan pergaulan antara remaja kilang dengan remaja-remaja lain terutama kegiatan di luar kilang, tapi pengkaji akan mencuba melalui keadah yang digunakan semasa kajian ini dijalankan iaitu pemerhatian dan penyertaan.

#### 4.4 Masa

Kita lihat masa remaja kilang menghabiskan masa suntuk bersama-sama kawan atau berjumpa mereka, berkumpul dan membuat sesuatu aktiviti. Mereka sering membuat begini di waktu senja yang mana pada waktu itu masyarakat Islam sibuk ke Masjid atau mengerjakan suruhan Allah. Mereka melepak di beranda rumah, di tepi-tepi jalan, menonton wayang atau bersiar-siar di komplek-komplek membeli belah. Mereka juga akan berbuat begitu sampai ke sebelah malam terutama di malam minggu (di mana esoknya cuti am). Mereka menghabiskan masa dengan bermain alat muzik mengganggu orang awam, bermain judi atau menonton video. Bagi yang berpasangan akan menghabiskan masa bersama pasangannya

samada di rumah sewa atau di tempat-tempat hiburan.

#### 4.5 Tempat

Tempat-tempat yang menjadi sasaran remaja kilang menghabiskan masa walau pun telah dinyatakan di atas tapi akan dihuraikan lagi. Tempat yang sering jadi tumpuan ialah di rumah sewa di mana aktiviti yang mereka jalankan dapat dirahsiakan dari pengetahuan masyarakat sekeliling. Mereka bebas melakukan apa yang mereka inginkan. Lain-lain tempat ialah di Panggung Wayang, di Taman-Taman Bunga, Konsert-Konsert Rock atau di Pub dan Disko. Keseronokan yang mereka mahu semuanya ada di situ. Bagi remaja lelaki di kompleks-komplek membeli-belah seperti di Pertama dan Daya Bumi menjadi sasaran mereka. Ini kerana seperti yang telah dilaporkan dalam akhbar mingguan, Mingguan Wanita, yang mana gadis-gadis jual tubuh untuk dadah, hampir 2000 orang dikenal pasti terlibat dalam perbuatan ini, tentu peluang ini tidak dilepaskan oleh remaja lelaki yang bernafsu muda dan untuk kenikmatan seks.

#### 4.6 Kekerapan

Kekerapan remaja ke satu-satu tempat itu bergantung pada keadaan iaitu yang penting kewangan atau pun ada sebab-sebab tertentu (tujuan). Selalunya bila masa cuti am, malam minggu atau selepas kerja.

Remaja wanita juga tidak melepaskan peluang ini, mereka sudah berani keluar malam dan pulang lewat malam ada yang tidak balik terus. Mereka ini tidur di rumah kawan perempuan atau lelaki mereka. Mereka juga berani berbuat tak senonoh dengan lelaki apabila mereka berkelompok atau lebih dari seorang. Mereka menggoda dan memikat dengan kata-kata yang menghairahkan sambil ketawa seperti tiada maruah langsung.

#### 4.7 Kegiatan-Kegiatan Remaja

Dalam kebebasan pergaulan ini tentu ada perkara-perkara yang tidak diingini berlaku tanpa disedari oleh remaja atau disedari tapi sudah terlanjur. Malah ada yang berbangga dengan kegiatan mereka itu seperti penglibatan dalam gang-gang motosikal. Yang menggunakan

motosikal jenis mahal dan besar untuk mengoda dan memancing gadis-gadis kilang. Hal yang menghairankan mengapa gadis kilang harus tergoda dan apa yang mereka mau dari kumpulan motor itu. Mereka bangga dengan memboncing di belakang pasangannya sehingga maruah tergadai. Bagi mereka di kalangan gadis merasa mereka senang ke mana hendak pergi dan meronda-ronda dengan pasangannya. Menghabiskan masa di pantai-pantai dan bersama-sama kumpulan motor itu melakukan perbuatan sumbang. Yang menghairankan apa yang menyebabkan mereka harus melibatkan diri dalam kancah ini, tidakkah mereka memikirkan masa depan dan keluarga. Itulah yang dapat dikatakan bila tiada lagi pertalian, pertisipasi dan penglibatan dengan masyarakat dan keluarga maka pergantungan terhadap semuanya ini turut terputus dan mereka bebas berbuat apa saja difikirkan dan dipercayai baik dan menyeronokkan dalam hidup mereka.

#### A. Dadah

Perkara ini memang banyak berlaku di kalangan remaja-remaja kilang juga tidak dapat malarikan diri dalam soal dadah ini. Mereka ramai terlibat dalam jenis uadah pil seperti 'Black Jack', 'Ermin', 'Up John' dan lain-lain jenis dadah. Mereka juga menghisap ganja yang dipanggil 'Dam' yang dihisap bersama rokok atau tembakau yang bercampur. 'Dam' tadi ini semua bertujuan untuk khayal atau melayan diri dalam sesuatu tingkah laku. Dadah-dadah seperti ini dapat menghilangkan perasaan malu atau teragak-agak dalam sesuatu perbuatan. Dadah yang menghayalkan ini juga digunakan untuk pasangan-pasangan wanita dengan membubuhkan dalam minuman atau makanan. mereka tanpa disedari. Apabila sudah khayal malah dadah ini juga menaikkan nafsu, maka senanglah mereka berbuat apa saja tanpa malu-malu lagi. Ada juga remaja lelaki yang mencari mangsa wanita dengan cara begini kerana ia mudah digunakan. Kes seperti ini bukan diada-adakan tapi kenyataan. Remaja wanita juga ada melibatkan diri dalam kegiatan dadah ini. Mereka sengaja menelannya untuk tujuan di atas, kerana kalau dalam keadaan sedar mereka masih ada perasaan malu lagi.

Pembekalan dadah ini sangat mudah didapati dengan harga yang murah. Melalui pergaulan dengan rakan-rakan yang telah terlibat mereka mendapat pengalaman, bekalan dan cara menggunakannya. Dadah-dadah ini boleh didapati terutama pil-pil di Farmasi yang berselerak

di bandar-bandar seperti di Petaling Jaya dan Kuala Lumpur dengan harga \$1.50 sebiji sehingga harga \$4.00 sebiji. Bagi dadah jenis lain seperti morphin dan LSD (Dam) didapati dengan harga \$4.00 segulung, iaitu jenis dadah ringan yang dijual oleh orang persendirian. Tempat yang jadi tumpuan ialah di Komplek beli belah dan Chow Kit di Kuala Lumpur. Hanya itu yang dapat dikesan oleh pengkaji tetapi jenis dadah berat tidak dapat dikesan bukan bermaksud tiada remaja kilang yang tidak terlibat dalam gejala-gejala buruk ini tetapi mereka pandai menyembunyikan perbuatan mereka dari pengetahuan masyarakat. Mereka takut memberitahunya kerana takut akan menjerat diri sendiri memandangkan dadah ini satu perkara yang dipandang serius oleh kerajaan sebagai musuh nombor satu negara. Jika diberitahu yang mereka melibatkan diri dalam gejala ini, mereka yakin pengkaji akan membawa perkara itu ke atas walau pun telah diyakini oleh pengkaji sendiri.

#### 4.8 Pergaulan Lain Jantina

Apa yang nampak nyata dalam corak kebebasan pergaulan remaja kilang ialah pergaulan lain jantina yang akan cuba diterangkan oleh pengkaji di bawah. Jika di atas tadi termasuk juga pergaulan lain jantina tapi hanya secara umum saja.

Boleh dikatakan hampir separuh responden mempunyai teman istimewa. Seperti yang dilihat dalam jadual 4.2 di bawah.

Jadual 4.2

Pernhubungan Respondan Dengan  
Lain Jantina

Jenis Perhubungan	Lelaki	Wanita	Jumlah	%
Kawan	14	10	14	23.2
Teman istimewa	10	15	25	41.4
Suka-suka	16	5	21	35.0
JUMLAH	30	30	60	± 100

Di dalam jadual di atas dapat kita tafsirkan 25 orang responden (41.4%) mempunyai teman istimewa dan yang selebihnya sekadar kawan biasa 14 orang (23.2%) dan suka-suka 21 orang (35%). Jenis perhubungan sekadar kawan biasa dan suka-suka saja inilah yang mendatangkan gejala yang meruntuhkan moral dan perbuatan yang sumbang. Mereka sekadar untuk berseronok sambil menghabiskan masa, walau pun sekadar berjalan-jalan atau pergi berkelah beramai-ramai tapi perlakuan mereka dan cara bergaul mereka menyakitkan mata dan ini membuatkan mereka dicap sebagai golongan yang tiada moral. Mereka sering bertukar-tukar pasangan dengan sesiapa saja yang disukai tanpa larangan tapi berbanding dengan yang telah mempunyai teman istimewa, masa selalu dihabiskan bersama dan mereka tidak lagi berpoya-poya dengan gadis atau lelaki lain walau pun begitu itu hanya segelintir saja terutama remaja lelaki. Apa yang diperlukan hanya keseronokan dalam perhubungan itu. Remaja tetap mempunyai pasangan lebih dari seorang tanpa pengetahuan kekasihnya. Katakanlah seorang kawan membawa gadis tidur di rumah sewaan mereka tidak akan tidak mesti berlaku hubungan jenis di antaranya dan rakan serumah akan juga ingin merasai apa yang rakannya alakukan. Itu semua realiti hidup bujang tidak dapat dinafikan dalam dunia serba moden ini.

Bagi pasangan yang mempunyai teman istimewa, cara perkenalan mereka ialah dengan cara sendiri atau melalui perkenalan oleh rakan-rakan sepergaulan. Ramai di kalangan remaja mempunyai teman istimewa di kalangan rakan sepergaulan ataupun bekerja di kilang yang sama. Dengan bekerja di kilang yang sama akan memudahkan mereka membuat temujanji ataupun berjumpa bila-bila masa yang diinginkan tanpa gangguan dari sesiapa.

#### 4.9 Seks Di Luar Nikah (Sex Outside Marriage)

Sigmund Freud berkata:

'Sex to be a major stimulus in determining and directing human behavior' (20)

Beliau menyatakan seks sebagai perangsang yang besar dalam menentukan dan kelakuan manusia secara langsung. Ini dapat ditafsir-

---

(20) - Schafer S. Social Problem in a changing Society: Issues and Deviance. Reston Publishing Company 1975:107

kan seks ada satu yang penting dalam hidup manusia tapi ini telah di salah tafsirkan oleh remaja terutama remaja kilang. Mereka telah terbabit dalam sek di luar nikah ini. Kebebasan pergaulan mereka telah mendorong perkara ini berlaku dengan berluasa kerana tiada tindakan dibuat ataupun tidak diketahui oleh pihak-pihak yang bertanggungjawab. Remaja kilang pandai merahsiakan perbuatan mereka dari pengetahuan masyarakat sekeliling di tambah pula dengan masyarakat yang tidak mengamil tahu tentang mereka atau mereka tinggal di kawasan bukan Melayu.

Masalah kebebasan hubungan seks ini bukanlah satu yang baru dan apa yang membuat mereka jadi begitu tidak penting, apa yang penting perbuatan mereka adalah di larang dan satu yang 'devian'. Malahan ia adalah satu dosa besar dalam agama Islam yang dipanggil Zina.

'... Modern sexual freedom, it now appears, includes the tendency to seek sexual gratification irresponsibly, even offensively, outside traditional institutions and social roles' (21)

Masalah seks yang bebas ini timbul termasuk kecenderungan mencuba kepuasan yang tidak bertanggungjawab malah penyerangan di luar institusi tradisi dan peraturan sosial tapi itulah yang dimahu oleh remaja kilang, yang mana pada mulanya hanya suka-suka saja tapi apabila sudah terlanjur mereka terasa keseronokan dan meneruskan perbuatan itu. Mereka mencari pasangan dan saling bertukar pasangan untuk seks walau pun ini tidak berapa ditonjolkan demi mengelakkan dari pengetahuan orang ramai atau masyarakat keliling. Melalui pergaulan inilah mereka belajar dan berjinak-jinak dengan kawan-kawan yang telah melakukannya dan menceritakan keseronokan dan kepuasan yang didapati dari perhubungan jenis ini membuat mereka terdorong untuk mencuba. Ini dikuatkan dari petikan di bawah oleh Ira Reiss:

'.... sexual permissiveness is learned in a social setting in some formal and informal ways as otheritudes, which are acquired in course of participating within a social group' (22)

---

(21) - Ibid : 109

(22) - Alex Comfort, 'The Prolongation of Vigorous Life'. Impact of Science on Society, (1970) xx. 307.319

Dengan adanya dorongan dan percampuran dengan rakan-rakan yang telah terlibat secara tidak langsung akan membenarkan remaja yang belum terjebak. Dalam dunia moden ini berbagai pengaruh dan rangsangan yang boleh menarik remaja terutama remaja kilang melakukan hubungan seks. Kata-kata petikan dari Giacomo Girolamo Casanova tentang sebab kebebasan seks adalah:

'... has expanded to include cheap pornography misleading pseudo-scientific literature. So abundantly available in the fast-growing number of 'adult' book stores and the x-rated films or 'stage show' which possess neither artistic merit no element of decency' (23)

Kesimpulannya kemeluasan karangan yang mengarut, kemunculan buku-buku lucah dan film X atau filem lucah atau pertunjukan pentas yang mana bukan artis yang berjiwa seni kerana tiada kesopanan di dalam 'show'nya yang semua ini membuat remaja terpengaruh dan mencuba melakukannya bersama rakan-rakan sepergaulan. Apabila membaca buku lucah atau filem lucah mereka akan ghairah dan akan cuba berbuat seperti apa yang ditonton atau dibaca. Bila ada peluang tidak akan dilepaskan begitu saja.

Hiburan-hiburan yang sering diadakan di sekitar negara kita. Ada kalangan remaja kilang yang sanggup pergi menonton walaupun di Melaka atau di Utara Malaysia seperti di Ipoh atau Kangar. Apa yang penting mereka mendapat hiburan yang diinginkan kerana disana nanti mereka akan berhibur sambil mencari mangsa untuk keseronokan. Ini kerana yang sebahagian besar penontonnya adalah remaja rock. Rock dalam segala segi baik pakaian atau perlakuan. Disini senang mendapat kenalan dan teman tidur. Mereka pergi ke konsert itu dengan menaiki motosikal beramai-ramai. Malah ada yang membawa pasangan dari rumah lagi.

---

(23) - Schafer S. Social problems in a Changing Society: Issue and Deviance Chapter 6: 1975.107

Kebebasan seks di kalangan remaja kilang sekarang memang tidak dapat disembunyikan lagi malah ia telah diketahui umum. Pihak kilang sendiri sebagai pendorong kepada kebebasan pergaulan yang kemudian kepada kebebasan seks. Sektor kilang sering mengadakan parti-parti atau majlis ulang tahun yang sering diadakan sempena menyambut ulang tahun kilang mereka. Sempena ini parti yang diadakan untuk meraikannya. Para pekerja dijemput hadir sama-sama dan ia diadakan di hotel-hotel atau di kilang-kilang. Agenda parti adalah berbau hiburan semata-mata. Remaja di sogok dengan minuman keras dan hiburan tari-menari, pertunjukan ratu cantik, pakaian dan berbagai-bagai lagi budaya kuning di dalamnya.

Para remaja kilang tentu tidak melepaskan peluang ini terutama mereka yang telah sememangnya terlibat dan yang tidak terlibat pun dipaksa sama menyertainya. Mereka meminum minuman keras dan menari berpasangan. Keghairahan ini akan membawa kepada seks. Mereka tidak segan berpelukan dan bercium di depan khalayak ramai. Apabila nafsu sudah memuncak akibat pelukan serta belaian dan ditambah pula dengan air setan tadi mereka akan membawa pasangan mereka ke tempat yang agak gelap dan sunyi untuk memuaskan nafsu muda mereka.

Begitu juga dengan rombongan-rombongan yang diadakan oleh pihak kilang ini tidak akan dilepaskan oleh remaja, kerana mereka dapat peluang yang diinginkan. Mereka akan pergi dengan rakan sekerja dan dengan teman wanita atau teman lelaki. Pergaulan yang begini sudah tentu akan mendatangkan maksiat. Dalam jadual 4.3 di bawah dapat kita lihat kekerapan remaja kilang membabitkan diri dalam rombongan yang diadakan oleh pihak kilang baik lelaki atau perempuan. Seramai 40 orang (66.4) responden tidak melepaskan peluang kerana bagi mereka dengan mengikuti rombongan itu nanti akan dapat melihat negeri atau tempat yang belum pernah dilawati di samping itu mereka akan mendapat keseronokan. Tiada seorang pun dari mereka tidak pernah membabitkan atau mengikuti rombongan yang setiap kali diadakan oleh majikan atau persendirian yang dibuat oleh rakan sekerja atau pihak bas kilang.

Jadual 4.3

## Kekerapan Respondan Mengikuti Rombongan

Kekerapan	Bilangan	%
Setiap kali diadakan	40	66.4
Kadang-kadang	20	33.2
Tak pernah	-	-
JUMLAH	60	± 100

Keterlaluan dalam kebebasan juga telah membawa remaja satu keberanian yang lebih dasyat iaitu keberanian membawa balik pasangan-pasangan ke rumah tumpangan atau rumah sewa. Sikap rakan rumah sewaan yang tidak ambil kisah begitu ketara di kalangan remaja kilang. Mereka tidak menegur malah bertambah menggalakkan lagi kerana ini nanti akan pula memberi kesempatan padanya pula untuk berbuat begitu bila mendapat peluang. Pasangan ini akan melakukan hubungan jenis tanpa takut pada sesiapa pun. Tiada jiran atau masyarakat keliling akan tahu kerana mereka membawa pasangan mereka balik pada lewat malam semasa jiran tetangga sudah tidur dan menghantarnya balik atau keluar dari rumah atau balik itu sebelum hari siang. Perahsiaan ini membuat mereka semakin berani dan tidak takut melakukan perbuatan sumbang itu. Sikap rakan sepergaulan yang 'sporting' juga sebagai penyokong kepada perbuatannya. Terdapat pula kemudahan seperti rumah sewa atau kenderaan untuk bermalam dan membawa serta menghantar pasangannya apabila perbuatan itu telah dilaksanakan.

Malah dalam kebebasan pergaulan ini, keberanian remaja membuat hubungan seks kerana jaminan teman-teman sepergaulan dengan janji-janji yang manis dan memberangsangkan di samping mendapat keseronokan. Penjualan pil yang mengkhayalkan dapat memperdayakan pasangan untuk melakukan hubungan seks. Penjualan pil menahan hamil dan juga 'kondom' (alat pencegah kehamilan) yang dipakai semasa persetubuhan dijalankan menggalakkan lagi perbuatan seks bebas ini. Mereka tidak

takut melakukannya kerana jaminan yang mereka tidak akan hamil di- samping itu ia dapat menyembunyikan perbuatan itu dari kaum keluarga dan masyarakat kerana tiada bukti atau tanda yang menampakkan perlakuan mereka.

Remaja wanita kilang juga terlalu mudah mengikut kemahuan teman lelakinya kemana saja diajak atau dipelawa malah ada yang baru dikenali di tepi jalan atau di mana-mana sudah boleh diajak tidur bersama. Dalam banyak kejadian rogol iaitu adalah berdasarkan suka sama suka tetapi apabila rahsia mereka terbongkar mereka akan melapurkan yang mereka telah dirogol atau pun dipaksa oleh teman lelakinya dengan menggunakan pil tidur (khayal). Ini semua untuk menjaga maruahnya atau malu pada masyarakat atau pun kaum keluarga di kampung.

Satu lagi gejala pergaulan ialah remaja yang menyewa bilik atau rumah dengan lain jantina. Jika menyewa bilik saja mereka akan tinggal berpasangan seperti suami-isteri tanpa diketahui oleh orang keliling kerana mereka tinggal di kawasan bukan Melayu. Masyarakat bukan Melayu memang tidak ambil tahu hal perkembangan remaja Melayu. Bagi yang menyewa rumah sama pula juga sedemikian setiap bilik akan tinggal berpasangan dengan teman wanita atau lelakinya. Mereka bebas melakukan apa saja seperti orang kelamin menonton video lucah, dan melakukan seks setiap kali mereka mengkhendaknya tanpa halangan atau takut kerana mereka di persekitaran bukan Melayu. Hal seperti ini ada bukti beriakunya tapi masih lagi tidak berapa kukuh untuk dibuat kenyataan. Ia bukan mustahil kerana bila sudah bergaul bebas dengan rakan-rakan sepergaulan dan lemah pegangan agama sambil mendewadewakan kebudayaan barat yang membenarkan tinggal serumah jadi remaja Melayu ini juga ingin mencuba kenikmatannya tinggal serumah dan melakukan apa yang orang lain buat. Inilah faktor yang menjadi penyebab kebebasan seks akibat kebebasan pergaulan yang menghantui remaja masakini.

### C. AKIBAT KEBEBASAN PERGAULAN

Beberapa akibat yang nyata dari pergaulan bebas ini tak pada individu, masyarakat atau negara. Kebebasan pergaulan sebenarnya tiada yang mendatangkan kebaikan hampir keseluruhan mendatangkan kesan negatif. Remaja yang melibatkan diri dalam kebebasan pergaulan akan merosakkan masa depan mereka sendiri. Perbuatan-perbuatan mereka lakukan akan mendatangkan satu yang berpanjangan dan hidup mereka seperti tiada pegangan lagi. Kebudayaan kuning begitu dibanggakan.

#### 4.10 Nilai Diri dan Moral

Remaja yang terlibat seperti tiada nilai diri lagi, mereka telah kehilangan budaya timur yang kita banggakan. Semua perlakuan dan pakaian mereka kerorentasikan barat iaitu pusat kejatuhan akhlak dunia. Moral mereka telah jatuh serendah-rendahnya.

1. Agama-agama yang dianuti iaitu Islam hanya ada pada nama saja. Mereka tidak mengamalkan segala suruhan tuhan malah mempermainkan lagi. Mereka melakukan perbuatan-perbuatan yang berdosa dalam segala aktiviti pergaulan mereka seharian. Mereka memakai pakaian yang tidak senonoh, menjolok mata, meminum arak di khalayak ramai, bermain judi. Pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan yang menyebabkan zina. Semuanya dilakukan dengan kerelaan diri tanpa segan atau malu malah mereka bangga perlakuan begini.

Disinilah yang menyebabkan kejatuhan maruah orang Melayu dan Islam. Islam sebagai agama yang mengajar ke jalan yang benar telah tercemar akibat perlakuan remaja ini. Islam tidak melarang bekerja tapi biarlah ada kesopanan dan tahu menjaga maruah diri tapi ini tidak mereka telah menyalah gunakan kebebasan yang diberi oleh agama. Mereka telah mencemar agama Islam yang maha suci.

#### 2. Masyarakat dan Keluarga

Kebebasan ini juga menyebabkan masyarakat dan keluarga menanggung malu kerana melihatkan gelagat-gelagat remaja mereka. Mereka yang terlibat tidak lagi ada sikap menghormati jiran atau keluarga. Pertalian partisipasi dan penglibatan mereka dengan semuanya telah terputus. Masyarakat dan keluarga bukan lagi tempat pergantungan

tetapi dianggap sebagai membubankan mereka. Mereka melakukan apa yang diinginkan tanpa memperdulikan apa kata orang lain. Perlakuan mereka benar-benar menjatuhkan maruah Melayu.

### 3. Lain-Lain

Gejala seks, dadah dan hiburan liar menyebabkan mereka lalai dan ini akan menambahkan lagi keruntuhan akhlak dan moral mereka. Mereka telah lupa peranan mereka pada agama, bangsa dan negara. Perkara-perkara di atas akan mendatangkan kerugian pada negara jika belia-beliawanis telah lalai dengan cara hidup yang mendewakan budaya kuning, negara akan kehilangan tenaga kerja untuk membangunkan negara dan bakal menjadikan Malaysia negara maju akan berkubur saja, kerana tiang harapan negara telah rebah. Senanglah anasir-anasir jahat meresap masuk dan terus mempengaruhi remaja tadi.

#### 4.11 Kesimpulan

Kesanggupan remaja kilang atau kereleaan mereka terlibat dalam kebebasan pergaulan itu adalah kerana faktor-faktor di dalam bab 3 tadi dan bila sampai tahap itu remaja tidak teragak-agak melibatkan diri. Dengan kebebasan pergaulan mereka mendapat apa yang mereka inginkan dalam hidup masa muda.

Dari huraian itu kita dapati di mana pertalian partisipasi dan penglibatan remaja dengan masyarakat dan keluarga telah terputus tetapi sebaliknya dalam perhubungan mereka mendapatnya semula melalui rakan-rakan sepergaulan. Perhubungan yang erat dan kerenggangan hubungan dengan yang lain menyebabkan perlakuan mereka lakukan tanpa halangan. Disini teori Hirschi nampak nyata kebenarannya.

Dalam kebebasan pergaulan remaja seks memainkan peranan yang utama. Seks sering dilakukan dalam keadaan khayal, atau suka sama suka, tinggal serumah, hiburan dan dadah adalah mainan hidup dalam kebebasan pergaulan.

Kemudian pengkaji melihat akibat-akibat yang ditimbulkan oleh kebebasan pergaulan secara ringkas kerana ia tidak berapa dititik beratkan dalam kajian ini. Apa yang diberatkan ialah faktor-faktor penggerak daripada pergaulan dan kebebasan pergaulan itu sendiri. Dalam bab 5 nanti akan diterangkan kesimpulan menyeluruh mengenai tesis ini.

KESIMPULAN

Pergaulan remaja kilang yang liar dan bebas merupakan satu masalah yang amat membimbangkan. Sekiranya ia dibiarkan berlanjutan ia akan merupakan satu ancaman pada negara seperti apa yang terjadi seperti di Amerika Syarikat, Britain dan lain-lain negara maju. Para remaja di sana telah pun mendewakan cara hidup pada dadah, muzik dan seks. Dadah dan seks menjadi 'nadi' hidup mereka. Cara hidup 'hippies' Charles Morson sangat dibanggakan. Muzik yang menggila dan memuja syaitan dalam lagunya seperti kumpulan rock barat Scorpion, Iron Maiden dan lain-lain lagi. Jadi jika dibiarkan berlanjutan Malaysia sebagai negara membangun mengalami keruntuhan akhlak ini. Memang tidak dapat dinafikan setiap masyarakat tidak akan terlepas dari menghadapi masalah sosial ini. Ianya mendatangkan beban dan merupakan kes sosial yang tinggi, baik dari punca keluaran individu maupun produktiviti dan ekonomi negara. Ini kerana remaja adalah golongan yang mencerminkan keadaan negara yang akan datang. Jika remaja telah lalai dan hidup cara budaya kuning ini akan merugikan diri remaja sendiri malahan akan menghilangkan norma nilai sosial dan fungsi keluarga dan masyarakat yang akan mengakibatkan kehidupan yang tidak stabil dan harmoni serta merugikan negara. Oleh sebab demikian setiap individu dan masyarakat mesti mencari punca masalahnya dan faktor-faktornya mesti dikenal pasti untuk mencegah corak pergaulan remaja sekarang terutama remaja kilang yang terdedah pada fenomena ini.

Di dalam melihat sebab-sebab yang mempengaruhi masalah kebebasan pergaulan remaja kilang ini pengkaji telah menggunakan pendekatan Teori Kawalan oleh Travis Hirschi. Berdasarkan kepada pendekatan Hirschi ini pengkaji melihat sama ada benar atau tidak perlakuan penyelewengan remaja di dorong oleh ikatan sosial mereka yang telah renggang dan longgar. Terdapat 4 elemen yang telah dilihat dan dikaji sebagai inti penting kajian ini ialah darjah pertalian, partisipasi, penglibatan dan kepercayaan remaja tertentu khasnya remaja kilang yang terlibat dalam kebebasan pergaulan dan perlakuan terhadap orang-orang sekeliling mereka. Berdasarkan elemen-elemen ini telah dibuat

satu toleransi di atas perlakuan-perlakuan remaja terlibat.

Dalam pengkajian ini, pengkaji merasakan semata-mata empat elemen ini sahaja di dalam ikatan sosial tidak akan berjaya mendorong individu ke lembah yang hina dan kebebasan pergaulan. Elemen-elemen ini boleh dianggap sebagai penggerak yang mempercepatkan kerelaan individu ke alam pergaulan bebas dan faktor-faktor seperti kemudahan, sosial support dan simbolik. Dengan faktor itulah akan mendorong yang memungkinkan mereka terjerumus ke dalam pergaulan yang lari dari norma-norma hidup masyarakat.

Dalam bab 3, pengkaji telah menerangkan bagaimana akibat dari kelonggaran ikatan sosial, seseorang remaja boleh terdorong dan terlibat dalam corak pergaulan itu. Keadaan akan lebih membimbangkan sekiranya individu tersebut di dedahkan kepada faktor-faktor yang telah dinyatakan. Faktor-faktor itu hendaklah dikawal dan diberi perhatian yang serius demi masa depan remaja.

Keluarga dan masyarakat memainkan peranan dan amat berpengaruh di dalam mendorong seseorang remaja terlibat. Personaliti dan perlakuan remaja adalah pancaran dan ikatan sosial yang dialami oleh remaja. Dengan ikatan sosial yang longgar akan menyebabkan remaja melibatkan diri dengan kebebasan pergaulan dengan rakan-rakan untuk mencari keseronokan dan keindahan hidup bagi mereka. Setiap masyarakat telah menetapkan atau mempunyai 'expectation' yang tersendiri terhadap individu dalam masyarakat dan setiap individu dalam masyarakat harus mematuhi tapi malangnya peraturan dan dianggap sebagai satu 'sanction' pula oleh remaja kerana mereka merasa diri mereka dikongkong dan disekat kebebasan mereka. Setiap gerak-geri mereka seperti diperhatikan dan mereka merasa tersekat pergerakannya jadi mereka cuba melarikan diri dari masyarakat dan keluarga yang menghalang sehinggalah terlibat dalam kebebasan pergaulan.

Pengkaji juga mendapati kebanyakan remaja yang terlibat seperti hidup dalam 2 situasi. Apabila mereka bersama-sama rakan-rakan pergaulan, mereka lincah dan agresif tapi sebaliknya apabila mereka balik ke kampung atau tempat asalnya untuk berjumpa keluarga. Perubahan pada diri remaja ini amat ketara sekali walaupun tidak semua dari segi pakaian yang rugged ke pakaian yang sopan, kelakuan yang

lincah kepada pendiam dan lemah lembut, pendek kata mereka pandai merahsiakan peribadi mereka yang sebenar dari keluarga dan masyarakat di kampung yang masih kuat pegangan norma-norma yang telah ditetapkan. Tetapi perkara ini tidaklah semua, masih ada remaja yang tidak memperdulikan hal itu lagi, tiada perubahan pada diri baik di bandar atau balik ke kampung.

Remaja kilang di Sg. Way ini kebanyakan tinggal di kawasan flat P.K.N.S. dan menyewa bilik atau rumah di kawasan Cina atau diduduki hanya oleh pekerja-pekerja kilang. Remaja yang terlibat adalah persepsi masyarakat terhadap mereka. Masyarakat terlalu individualistik, material dan memandang rendah pada remaja kilang. Mereka menganggap remaja kilang semuanya tiada moral dan jahat serta bebas. Apabila ini terjadi remaja kilang merasa diri mereka seperti tersisih dari anggota masyarakat. Ini membuatkan remaja kilang rela berbuat sesuka hati. Segala norma-norma yang telah ditetapkan mereka tolak kerana mereka tidak mempunyai pertalian, partisipasi dan penglibatan dengan masyarakat tempat mereka tinggal. Tiada lagi konsep kejiwaan dan mereka tidak kenal siapa jiran mereka, tiada bertegur-sapa dan ini membolehkan mereka bergaul dan berkelakuan sesuka hati. Apatah lagi jika mereka tinggal di kawasan perumahan bukan Melayu, bertambah bebaslah remaja ini dalam tindak-tanduknya sehari-hari. Mereka merasakan yang mereka tidak merugikan atau menyakiti hati sesiapa pun memandangkan semua orang sudah tidak ambil peduli pada mereka. Ekoran dari sosial yang demikian membuatkan remaja terlibat dalam kebebasan pergaulan. Kebebasan dalam erti segala aspek.

Walau bagaimana pun remaja yang terlibat boleh diperbaiki dan dipimpin ke jalan benar sekiranya ada pihak-pihak yang tertentu seperti keluarga dan masyarakat sekeliling menyedari sikap dan pandangan negatif mereka terhadap remaja kilang dan sedia membimbing mereka, memberi dan melayan mereka seperti orang lain bukan memandang rendah. Tetapi sekiranya masyarakat dan keluarga masih membiarkan dan tidak memperdulikan mereka dengan alasan mereka sudah besar, sudah tahu buruk dan baik tapi sejak dari kecil dan sampai remaja tiada didikan sempurna apatah lagi bergaul pula dengan rakan-rakan delikwensi yang akhirnya dipengaruhi oleh mereka yang telah terlibat. Melalui

pergaulan, remaja berkenaan akan memperolehi segala kemudahan untuk keseronokan bersama. Kemudahan-kemudahan inilah yang akan meninggikan implikasi negatif kepada pelakuan remaja yang akan terus 'rela' untuk terus melibatkan diri dalam pergaulan itu kerana ada ganjaran. Melalui sokongan sosial dan simbolik yang mereka perolehi dari rakan-rakan sepergaulan memperolehi pula 'pengalaman' dan 'bekalan' untuk meneruskan pergaulan yang tidak elok itu dengan lebih licin.

Pergaulan dengan rakan-rakan yang telah sedia liar dan bebas serta perasaan ingin merasa. Dunia ini untuk orang muda membuat mereka lupa pada diri sendiri dan keluarga. Keseronokan dan nikmat serta merta dari pergaulan membuat mereka rela dengan tingkah-laku itu. Kemudahan-kemudahan yang telah sedia ada seperti motosikal dan dadah menambah dorongan untuk mengecapi hidup yang liar dan seronok. Media massa yang memaparkan kehidupan liar dan pergaulan bebas yang diamalkan di negara-negara barat mendorong remaja untuk mengikuti jejak langkah kumpulan remaja barat ini. Dengan adanya konsert-konsert rock yang sering diadakan mereka boleh berjumpa dengan ahli-ahli kumpulan bebas dan mendapat kenalan yang membolehkan bagi pergaulan yang lebih luas dan contact dalam sesuatu hal. Tanggapan yang disemai di fikiran mereka ini sekiranya disemai dan hasutan rakan-rakan akan memudahkan lagi remaja terjerat ke dalam kebebasan pergaulan.

Yang jelasnya di antara sebab-sebab utama membolehkan remaja kilang itu terdorong atau terpengaruh dalam pergaulan bebas kerana pergaulan yang luas dan rapat dengan rakan-rakan yang telah sedia liar dan terlibat. Mereka ingin turut serta agar tidak dikatakan kuno atau kampungan, jadi mereka menurut saja yang mana akhirnya terjebak. Ramai remaja yang terlibat kerana ingin mencuba cara hidup rakan yang sering menceritakan keseronokan sesuatu hal dari pergaulan seperti disko, dadah dan kenikmatan seks, dicabar oleh rakan-rakan serta pengalaman dan kejayaan rakan-rakan dalam pergaulannya. Semua sokongan sosial ini membuatkan remaja terlibat dan mempraktikannya.

Tanpa ajaran agama yang sempurna juga memudahkan remaja terjebak. Dalam dunia serba maju ini, agama dipandang ringan saja oleh keluarga dan masyarakat sebagai contoh bagi keluarga, apabila anaknya tidak sembahyang, dilelak akan dimarah atau pukul tapi apabila gagal

dalam akademik dia akan dimarah, malah ada yang dihalaui dari rumah dengan alasan menyusahkan saja. Perkara yang begini membuatkan remaja kilang ramai yang terlibat. Mereka hilangen pegangan agama dan ter-dorong dengan cara hidup barat dan berkelakuan menyeleweng dari norma-norma masyarakat dan agama. Seperti yang terjadi baru-baru ini, pengaruh agama Kristian telah merebak di negara ini. Mereka cuba mempengaruhi remaja kilang yang sememang mereka tahu golongan ini kurang pegangan agama Islam dan pendapatan yang rendah jadi mudahlah mereka meresap masuk. Beberapa pengajaran berbentuk wang dan kebendaan disogokkan pada remaja. Dari beberapa aspek yang boleh dipercayai ramai kalangan remaja termasuk remaja kilang telah mula tertarik dengan agama Kristian dan ada sebilangannya telah menukar agama mereka walaupun perkara ini tidak ada bukti malah dinafikan oleh pihak kerajaan. Jika pihak kerajaan dan masyarakat tidak menyedari dan mengambil tindakan yang tegas maka ia akan merebak dan aka.. mengancam serta mencemarkan nama baik Islam yang mana sebagai agama resmi. Agama mesti diserapkan ke dalam jiwa para remaja sejak kanak-kanak lagi. Dengan adanya ajaran agama para remaja akan lebih berhati-hati dalam hidup dan mungkin tidak akan melibatkan diri dalam pergaulan bebas atau terpengaruh dengan agama lain kerana Islam melarang umatnya berbuat jahat (dosa) dan menyeleweng dari norma-norma agama dan murtad adalah satu yang dosa besar.

Pelajaran agama ini harus dididik melalui faktor sosialisasi seperti yang dinyatakan oleh Thomas M. Gennon:

'The effectiveness of religions depend upon interlization of standard during the critical formative years of childhood and his develop though close identification with parents family members and other significants groups (Wolfgoup Saritz Johnston 1970 : 508)

Petikan di atas dapat dikatakan didikan agama tidak semata diberi masa kanak-kanak tapi keluarga dan masyarakat sebagai punca utama dengan adanya penglibatan, partisipasi dan pertalian dengan keluarga dan masyarakat mereka mudah menerima ajaran agama. Oleh sebab itu remaja hendaklah memilih jenis rakan yang hendak digauli agar diri mereka terselamat dari perbuatan yang dilarang agama. Jadi disini dapatlah dilihat pentingnya ikatan sosial dan penglibatan masyarakat dalam menentukan perlakuan agama.

Remaja kilang di Sungai Way kebanyakan datang di luar bandar dan setelah bekerja di kilang dan tinggal di bandar mereka mula tertarik dengan cara hidup bandar yang serba memwah hiburan dan kemudahan-kemudahan yang tersedia. Jika di tempat asal remaja dikongkong oleh norma-norma sosial yang ketat dan mereka tidak bebas tetapi sampai di bandar mereka merasa terlepas dan bebas dalam setiap perlakuan, lepas dari ikatan sosial di kampung seperti keluarga dan masyarakat kampung yang terlalu ideal bagi mereka dalam penerimaan norma-norma yang telah ditetapkan. Mereka mula hidup cara bandar dan terpengaruh dengan kebebasan pergaulan remaja bandar yang mendatangkan keseronokan dan akhirnya melibatkan diri. Jika di kampung mereka hanya menonton atau membaca berita-berita tentang pergaulan dan tentang nikmat hidup bandar melalui kaca televisyen dan akhbar-akhbar serta majalah bulanan. Sekarang mereka telah pun berada di bandar tentu peluang seperti ini tidak akan dilepaskan begitu saja. Keadaan hidup bandar yang glamour memang jauh berbeza dari di kampung dalam segala segi, bandar penuh dengan segala jenis ragam manusia dan keseronokan hidup yang sementara yang diikuti jika tiada pegangan agama dan hidup. Apatah lagi golongan remaja kilang yang sudah bekerja dan punya wang sendiri, mudah diresapi memandangkan mereka sedang dan baru mengenali hidup. Mereka mudah terdorong pada keseronokan tanpa memikirkan baik buruknya akibat perbuatan mereka itu.

Masyarakat di bandar yang individualistik dan material mendorong perbuatan remaja ini. Mereka tiada masa berinteraksi dan berubungan mesra dengan jiran tetangga. Bila pertalian, partisipasi dan penglibatan kurang atau terputus akan diambil peluang oleh remaja memandangkan masyarakat sekitarnya tidak memperdulikan segala perlakuan mereka dan tidak pernah mengambil tahu hal mereka misalnya, pukul berapa mereka balik, kemana mereka pergi, siapa yang dibawa balik dan apa yang mereka lakukan bersama rakan di dalam rumah atau bilik sewa tapi ini berbeza dengan luar bandar yang mana ikatan sosialnya masih bertenaga, jiran masih sebagai tempat pergantungan antara satu sama lain.

Pendek kata, akibat pengaruh budaya barat yang meresap masuk ke dalam budaya kita menyebabkan remaja terjerumus, tiada pegangan agama dan kelonggaran ikatan sosial menyebabkan remaja terlibat dalam kebebasan pergaulan yang mana banyak mendatangkan keseronokan sementara

tapi kesannya akan merugikan bangsa dan negara yang mana belia dan beliawanisnya telah lalai dan mendewakan cara hidup barat yang liar dan hidup tanpa tujuan dan ini akan memusnahkan diri remaja sendiri. Hal ini mesti disedari oleh para remaja sendiri, ibubapa dan masyarakat serta pemimpin memandangkan remaja adalah golongan yang bakal mempertahankan kedaulatan bangsa Melayu di Malaysia ini.

University of Malaya

BIBLIHAFI

BAHAN RUJUKAN

1. Awang Sudjai Haruf (ed) - Kamus Dua Bahasa, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Kuala Lumpur, 1979.
2. Box S - 'Deviance, Reality and Society': Holt Rinehart and Winston Ltd, London, 1975.
3. Gibbons D.C - 'Delinquency Behaviour' Prentice Hall Inc, Englewood Ceng N. Jersey, 1981.
4. Hirschi T - 'Cause of Delinquency' University of California Press, Berkeley, California: 1969.
5. Reckless W.A - 'The Crime Problem (5th ed) Englewood (Cliff) N. Jersey 1975.
6. Rock D and Mary Mc, 'Deviance and social control': Tavistock Publications, Ltd, London, 1974.
7. Schafer S - 'Social Problems in A Changing Society' Resion Publishing Company, Inc, Reston, Virginia: 1975.
8. Wolfgang M.E - 'The Sociology of Crime and Delinquency' (2 nded) John Wiley and Sons, New York, 1970.



Photo 1: Pemandangan Kawasan Kilang (FTZ)  
Dilihat Dari Kawasan Tinggi



Photo 2: Tempat Tinggal Respondan Kebanyakan  
Kilang Di Sungai Way



Photo 3: Keadaan Rumah Bujang Disalah  
Sebuah Flat Sewaan Respondan  
Di Blok B, Sungai Way



Photo 4: Kawasan Setingan Dan Rumah Teres  
Tempat Respondan Menyewa Dan Juga  
Yang Tinggal Bersama Keluarga Di-  
Kampung Lindungan Sungai Way.



Photo 5: Kelihatan Para Pekerja Kilang Sering Balik Dan Bertugas Di Salah Sebuah Kilang elektronik Di FTZ



Photo 6a Pengkaji Bersama Seorang Respondan Yang Banyak Bertindak Sebagai Pembantu Dalam Penyelidikan Pengkaji.

Bahasa 26 Nov 86

# ANGKARA BUDAYA MODEN

**JUMLAH** jenayah seks di negara kita semakin bertambah dan mencapai tahap yang membimbangkan. Amat mengecewakan bila jenayah seumpama ini berlaku ke atas kanak-kanak yang masih belum mengerti erti seks dan lebih menyedihkan bila ia berlaku dalam kelompok keluarga sendiri seperti ayah mencemar kesucian anak gadis atau berlaku di antara perhubungan ayah tiri dengan anak tiri.

Ekoran dari peningkatan kadar jenayah seks, beberapa tokoh telah bertelagah sesama sendiri dalam menyelesaikan masalah ini. Ada yang menuduh berpunca daripada wanita sendiri dan ada pula yang mendakwa kaum lelaki yang tidak bertanggungjawab serta mementingkan nafsu serakah sahaja.

Apa pun pendapat yang dikemukakan (lebih tepat pertelagahan), masalah seumpama ini tidak akan selesai selagi manusia, baik lelaki mahu pun perempuan tetap kekal dengan keegoan masing-masing. Melalui pendekatan Islam yang patut dipersalahkan dalam hal ini melibatkan kaum lelaki, perempuan, ibu bapa serta persekitarannya. Dan jika dititiberatkan dan dijadikan santapan kehidupan seharian. Insya-Allah perkara seumpama ini dapat diselesaikan, atau paling tidak dapat dikurangkan.

Melalui pendekatan Islam, seeloknya kita mengkaji terlebih dahulu mengapa terjadinya jenayah seks terutama di kalangan keluarga dan kanak-kanak di bawah umur. Kadangkala sikap ibu bapa yang menyebabkan mereka ini terjebak ke kancah yang memalukan. Ibu bapa yang terlalu sibuk dengan tugas masing-masing seringkali melupakan keselamatan anak-anaknya dan ini mendedahkan anak-anak kepada perogol.

Sikap ibu bapa seperti ini juga menyebabkan anak-anak berasa tersisih dan mendorong mereka mencari hiburan bersama kawan-kawannya untuk meleraikan kesunyian. Situasi seumpama ini, tidaklah mustahil anak-anak menjadi mangsa perogol dan juga merogol. Menurut satu sumber kadar mangsa rogol di kalangan orang-orang yang dikenali lebih tinggi dari mereka yang dirogol secara paksa atau oleh

orang yang tidak dikenali.

Arak dalam sesetengah keluarga sudah dijadikan sebagai minuman biasa. Dalam keadaan-keadaan tertentu bila kesan penggunaannya mere-sapi segenap urat saraf, boleh menyebabkan seseorang itu hilang pertimbangan. Inilah faktor utama terjadinya perogolan antara ayah dengan anak.

Bertambahnya bilangan penagih najis dadah juga merupakan satu faktor yang berkait rapat dengan jenayah seks. Najis dadah dan arak sudah ternyata boleh memberi kesan yang ketara kepada pemikiran dan kemanusiaan manusia. Kerana arak dan najis dadah manusia sanggup melakukan apa sahaja dan bila dikuasai olehnya, manusia sanggup pula bertindak di luar batas-batas tamadun manusia.

Video sudah menjadi perkara lumrah di rumah-rumah penghuni kota. Manakala filem-filem lucah pula berleluasa di pasaran haram. Kesibukan ibu bapa pula memberi peluang kepada remaja menatap filem itu sepuas-puasnya dan ini boleh memberi kesan mental dan membangkitkan keinginan yang meluap-luap.

Bagi remaja lelaki mereka akan cuba melakukan sesuatu untuk memenuhi tuntutan nafsu dan mangsa yang paling dekat ialah kekasihnya. Bagi remaja perempuan, tidak mustahil mereka terpengaruh ke kancah seks bebas yang dipaparkan oleh video-video lucah itu.

Sikap ibu bapa yang tidak membatasi pergaulan anak-anak juga salah satu puncanya. Anak-anak gadis dan teruna bebas ke disko, kelab malam dengan pakaian-pakaian yang menentang. Pergaulan bebas boleh membangkitkan rasa ghairah dan mengexploitasikan fikiran remaja ke arah yang kurang sihat.

Ternyata faktor-faktor di atas bersangkutan-paut dengan agama. Sayangnya batas-batas keagamaan yang menjadi sendi paling kuat dalam kehidupan diletakkan ke belakang. Seandainya ibu bapa menyelami dan mengamal cara hidup Islam, kadar berlakunya jenayah seks pasti kekurangan.

Mereka boleh mengawal, pergaul-

an, pakaian dan aktiviti-aktiviti bebas yang menjadi punca utama jenayah seks. Dalam beberapa hal, Islam melarang wanita bekerja dan ternyata larangan ini jika dikaji dan diteliti boleh memberi manfaat.

Perdampingan erat antara anak dan ibu boleh menyemaikan kehidupan yang harmoni dan tentu anak-anak tidak memerlukan hiburan-hiburani di luar rumah. Jikapun mereka rasa tertekan, bila ibu bapa mengambil berat, mereka boleh keluar bersama-sama pada hari minggu. Ini menambahkan lagi ikatan kekeluargaan.

Tidak dinafikan juga, hukuman yang berat ke atas mereka yang melakukan jenayah seks boleh mengurangkan kadar peningkatannya. Dan, salah satu cara hukuman itu ialah berpandukan al-Quran, Mafhum firman Allah s.w.t: "Dan ayat-ayat al-Quran itu adalah kitab yang kami turunkan, yang diberkati, maka ikutilah dia dan bertaqwalah agar kamu diberi rahmat."

Meridekatkan diri ke jalan Allah dengan meninggalkan perkara-perkara yang diharamkan, mengenakan pakaian yang sopan walaupun dalam keluarga sendiri dan rasa tanggungjawab kedua ibu bapa, Insya-Allah akan sempurnalah sebuah kehidupan itu.

**Sikap ibu bapa yang tidak membatasi pergaulan anak-anak juga merupakan antara faktor utama berlakunya jenayah rogol.**